

Jilid III  
Bil. 27



Hari Rabu  
14hb Oktober, 1981

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 3529]

### **USUL:**

**Akta Acara Kewangan, 1957—**

**Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan [Ruangan 3566]**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan)**  
[Ruangan 3575]

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL**,  
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.,  
D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam  
Negeri, **DATO' MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO' LEE SAN CHOON**, S.P.M.J.,  
S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE  
HUI**, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Luar Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE**, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI  
HAJI ABDUL GHANI**, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDDIEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P.,  
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH  
HAMZAH**, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., J.M.N.  
(Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' SERI  
SHARIFF AHMAD**, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT**, S.P.M.J.,  
S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO' RICHARD HO UNG  
HUN**, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, **DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN**,  
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* George Abbah (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

Yang Berhormat TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N.,  
S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH,  
D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.  
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S.,  
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan  
Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang  
Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B.  
(Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN  
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Rabu, 14hb Oktober, 1981

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ismail bin Arshad.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Ismail bin Arshad tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 2.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

PENGHARAMAN RAPAT UMUM

**2. Tuan Fung Ket Wing** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang menarik balik pencegahan ke atas Rapat-Umum setelah Pemimpin (Chairman) Parti Komunis Malaya berada dalam tahanan dan nyatakan juga sama ada negara ini masih lagi dalam keadaan Darurat.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik):** Tuan Yang di-Pertua, tindakan pengharaman ke atas rapat-rapat umum adalah diambil atas pertimbangan keadaan keselamatan negara dan ketenteraman awam yang mungkin tergugat jika rapat-rapat umum diizinkan. Pengharaman ini tidak ada kena-mengena dengan penahanan sesiapa pun.

Sukalah juga saya memaklumkan bahawa keadaan darurat di negara kita masih lagi wujud. Oleh itu, Kerajaan tidaklah bercadang untuk menarik balik pengharaman ke atas rapat-rapat umum.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa apabila pengharaman rapat-rapat umum dibuat dalam tahun 1978 sebelum pilihanraya besar tahun 1978 diadakan sebab-sebab yang diberikan oleh IGP ialah bahawa Parti Komunis Malaya akan mengadakan ulang tahun ketiga puluh dan pihak Polis rasa akan berlaku peristiwa-peristiwa yang akan mengancam keselamatan negara tetapi itupun tidak berlaku dan oleh kerana tentulah ulang tahun ketiga puluh MCP masih lagi diteruskan, bolehkah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menimbang untuk membatalkan pengharaman rapat-rapat umum oleh kerana sebab-sebab yang diberikan sudah tidak ada lagi.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat bahawa keadaan darurat masih lagi wujud di negara kita ini memandangkan beberapa faktor.

Pertamanya ialah kerana adanya ancaman penganas komunis yang bersenjata dan masih lagi berlaku di sempadan kita ini yang walaupun angkanya telah kurang tetapi masih lagi committed dengan keinginan untuk menggulingkan Kerajaan secara bersenjata.

Keduanya, adanya gerakan-gerakan bawah tanah . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah mengenai rapat umum dan bukan darurat. Itu nanti dahulu.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Saya terpaksa mengatakan ini, Tuan

Yang di-Pertua, kerana ianya berkait dengan rapat umum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Sebab kedua tadi saya sebut ialah kerana adanya gerakan-gerakan bawah tanah, subversif dan pro-komunis yang bergerak di luar hutan yang cuba bergerak daripada semasa ke semasa untuk meracuni fikiran rakyat bagi matlamat yang sama iaitu menggulingkan Kerajaan secara bersenjata dan menjadi infrastruktur kepada perbekalan logistik kepada gerakan-gerakan bersenjata yang berada di hutan-hutan.

Ketiga, masih lagi terdapat ancaman bahawa setengah-setengah pihak tidak bertanggungjawab dalam menjalankan kegiatan mereka di dalam negara ini yang boleh menimbulkan keadaan yang terancam bagi keselamatan dan ketenteraman awam yang mana ianya kalau tidak dikawal dan dibendung akan merosakkan masa depan negara ini.

Atas sebab-sebab yang demikian maka kita rasa keadaan darurat itu harus ditimbul ataupun dikekalkan, dan yang demikian maka rapat-rapat umum ini sebagaimana yang dinyatakan tadi tidak dapat dalam konteks yang demikian dipersetujui oleh Kerajaan ditarik balik pengharamannya pada setakat ini.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tentang sejauh mana kaitannya dengan masalah menghalalkan rapat umum itu, sejauh mana ia memberi suatu keadaan yang membahayakan keamanan dalam negara kita kerana tindakan-tindakan atau kegiatan-kegiatan komunis berlaku juga dengan cara-cara yang lain kalau mereka itu kuat dan Kerajaan pula selalu mengatakan bahawa keamanan negara sentiasa dapat dikawal dan rapat-rapat umum ini bukanlah satu kegiatan yang hendak dijalankan oleh mereka tetapi oleh parti-parti yang sah di dalam negara kita ini.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, keadaan

ketenteraman yang dapat dikawal tidak bererti tidak ada atau tidak wujud yang akan dapat menjejaskan keadaan keselamatan di negara kita. Seperti yang saya sebutkan tadi kita dapati bahawa ada gerakan-gerakan bawah tanah misalnya atau gerakan anasir-anasir anti nasional yang bergerak yang sentiasa ingin menggunakan segala kesempatan bagi menimbulkan huru-hara di kalangan rakyat di negara ini dan oleh sebab banyak sensitivities di negara kita yang boleh diwujudkan dari berbagai-bagai sudut dalam kehidupan rakyat ini Kerajaan Barisan Nasional saya rasa tidak sanggup mengambil risiko bagi meletakkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat itu lebih rendah prioritasnya daripada faktor-faktor yang lain. Maka oleh sebab kita dapati bahawa rapat-rapat umum boleh digunakan oleh anasir-anasir yang tidak selari dengan kepentingan negara maka kita berpendapat bahawa rapat umum patutlah setakat ini diharamkan bagi mengelakkan sebarang kemungkinan yang akan menjejaskan kehidupan rakyat.

**Tuan Chian Heng Kai:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa yang lalu rapat umum tidak diharamkan dan rapat umum cuma diharamkan kalau tak silap saya pada tahun 1978. Saya ingin tahu sama ada keadaan keselamatan negara kita sekarang ini lebih serius berbanding dengan masa yang lalu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan kepada soalan tambahan itu sudah cukup diberi tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Kerajaan mengharamkan rapat umum disebabkan orang ramai kurang menghadiri rapat umum Barisan Nasional dan lebih menghadiri rapat umum parti Pembangkang. Dan siapakah yang membuat keputusan untuk mengharamkan rapat umum—Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atau IGP?

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, minta ulang soalan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada dua bahagian besar. Bahagian yang kedua itu ada terbahagi dua pula. Sila ulang sekali lagi.

**Tuan Chan Kok Kit:** Sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Kerajaan mengharamkan rapat umum disebabkan orang ramai kurang menghadiri rapat umum Barisan Nasional dan lebih suka menghadiri rapat umum parti Pembangkang. Dan siapakah yang membuat keputusan untuk mengharamkan rapat umum—Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atau IGP?

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, pendapat Ahli Yang Berhormat itu salah yang kita mengharamkan rapat umum kerana kurang orang hadir dalam rapat umum Barisan Nasional. Setahu saya pada masa dahulu bila kita mengadakan rapat umum ketika ianya dibenarkan rapat-rapat umum Barisan Nasional yang telah paling ramai dihadiri oleh rakyat (*Tepuk*) kerana di dalam rapat umum ini kita berkemampuan untuk membuat janji-janji yang kita dapat penuhi daripada masa ke masa.

Yang keduanya, keputusan bagi mengharamkan rapat umum ini adalah dibuat oleh Kerajaan setelah mendapat nasihat daripada semua pihak yang berkaitan dengan keselamatan betapa perlunya pengharaman ini dibuat. Dengan yang demikian Kerajaan memutuskan atas nasihat-nasihat ini agar pengharaman itu diteruskan.

**Tuan Haji Ikwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan alasan-alasan mengapa Kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik akan pengharaman terhadap rapat-rapat umum. Bolehkah beliau menerangkan di Dewan ini adakah beliau sedar bahawa kejadian yang menimpa negara ini pada tahun 1969 lalu adalah sebahagian besarnya datang dari rapat-rapat umum dan dari fikiran-fikiran rakyat umum?

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Saya bersetuju pendapat Ahli Yang Berhormat itu bahawa kejadian 13 Mei, 1969 harus menjadi sejarah dan contoh yang baik kepada rakyat negara ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa negara kita sekarang ada 4 perisytiharan darurat dan kenapa negara kita perlu 4 perisytiharan darurat satu masa untuk dikuatkuasakan. Adakah dengan sebab-sebab yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai kenapa Kerajaan mahu terus mengharamkan rapat umum bahawa sebab-sebab yang diberi oleh Inspector-General of Police pada tahun 1978 bahawa sebabnya ialah oleh kerana Parti Komunis Malaya mahu mengadakan Ulang Tahun Ke 30, inilah satu sebab yang tidak benar.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Saya telah menerangkan sebab-sebab yang besar mengapa darurat telah diisytiharkan dan sebab-munasabah yang telah diberi oleh IGP itu mungkin merupakan sebab pada masa itu darurat itu perlu diadakan.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama bolehkah Kerajaan mencadangkan diberi komunikasi kepada parti Pembangkang kalau tidak ada rapat umum. Bolehkah mencadangkan macam mana kita boleh membawa satu komunikasi dengan mengundi bila pilihanraya. Bolehkah Kerajaan mencadangkan beri liputan Radio dan TV kepada kita macam semua Ahli-ahli Barisan Nasional, dan tiap-tiap kawasan, sekolah atau hospital sudah dibuka dekat 20 tahun kena lagi dibukakan, Menteri datang bila pilihanraya, itu semua parti Pembangkang tidak ada. Kita semua selalu dengan 'adil' dalam Dewan ini. Bolehkah Kerajaan mencadangkan macam mana kita boleh beri satu komunikasi kepada rakyat sebab rakyat hendak faham apa rancangan-rancangan parti pemerintah dan parti Pembangkang ada?

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pengharaman rapat umum ini applicable kepada semua pihak, sama ada Pembangkang ataupun Kerajaan. Jadi masalah kita ada komunikasi ataupun tidak terpulangnya kepada budi bicara parti masing-masing untuk menghubungi rakyat.

Keduanya, saya tak bersetuju bahawa ada misalnya projek-projek yang dibuka hingga

dua kali oleh pihak Kerajaan. Saya rasa perkara ini setahu saya adalah tidak benar dan satu tuduhan yang tidak tepat.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedari jawapan-jawapan sebab-sebab ini tidak memuaskan hati oleh kerana adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedari pada masa konfrontasi tahun 1964, tahun 1969 selepas perkara Mei, 13 pada tahun 1974 pun ada rapat umum. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan beri lebih terang adakah masa ini lebih serius berbanding dengan masa itu, saya nampak—tidak, ini semua satu political motivation. Saya harap Timbalan Menteri berkenaan boleh beri satu jawapan lebih puas hati.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan ini lebih kurang serupa dengan soalan tambahan dari Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah dan sudah berjawab melainkan kalau ada Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menambah lagi.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Ahli Yang Berhormat berkata beliau tidak puas hati dengan sebab-sebab yang telah saya berikan. Saya tidak berminat sama ada beliau puas hati ataupun tidak berharap sebab-sebab yang diberikan (*Tepuk*), tetapi sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab seperti yang saya katakan tadi kita tidak akan mengambil risiko selagi keselamatan negara dan rakyat terus terancam.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa keadaan yang terdapat sekarang ini adalah lebih buruk dari yang terdapat semasa pengharaman ini diadakan pada mulamulanya, iaitu sekarang bukan sahaja terdapat soalan ancaman komunis tetapi juga soal perkauman yang begitu mendadak dan begitu ekstrim yang diapi-apikan oleh setengah-setengah parti Pembangkang dan juga soal keagamaan yang ekstrim?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahannya pun lebihkurang juga dengan yang dikemukakan oleh dua Ahli Yang Berhormat

itu tadi, melainkan sebagaimana saya kata kalau ada Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menambah lagi.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tidak ada.

**Dr Chen Man Hin:** Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan yang diharamkan rapat umum dan dikontrolkan mass-media misalnya radio, TV, suratkhbar dan lain-lain ada mengancam kita, oleh sebab kalau rakyat tidak faham keadaan politik di negara kita barangkali pada masa akan datang mereka tidak boleh menimbang pandangan pihak Kerajaan dan pihak badan-badan sangat halangan rakyat iaitu fikiran sangat susah dan masa itu barangkali ada jadi satu keadaan revolusi. Oleh sebab itu, bolehkah Kerajaan timbang lagi dan diberi peluang kepada orang-orang yang ingin memberi rapat umum untuk membukakan fikiran rakyat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ada jawapan tambahan.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Saya telahpun memberikan jawapan.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun pihak Kerajaan melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bahawa rapat umum ini masih merbahaya kepada negara, namun parti Pembangkang masih bersuara. Soalan saya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pada masa yang lalu sewaktu rapat umum dibenarkan banyak parti-parti Pembangkang terutamanya telah menyalahgunakan kuasa terutama sekali DAP. Maka dengan sebab itu salah satu daripada sebab mengapa diharamkan rapat umum ini kerana mereka menyalahgunakan rapat umum itu.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kita khawatir salahguna ini digunakan oleh siapa sahaja yang tidak ingin melihat bahawa kita hidup dalam keadaan yang aman dan tenteram.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah

Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa rapat umum ini telah menjadi asam garam di dalam politik ataupun di waktu pilihanraya. Kalau sedar, adakah Kerajaan bercadang untuk hendak menghalalkan rapat umum ini di waktu pilihanraya yakni pilihanraya umum atau pilihanraya kecil?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bersetujukah rapat umum itu menjadi "asam garam". Itu sahaja pertanyaan.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kalau asam garam yang hendak dimasak itu akan menyebabkan sakit perut, saya rasa kita tidak harus mengadakan masakan asam garam itu. Setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan rapat umum kerana kitapun tidak tahu bila pilihanraya akan diadakan.

**Tuan P. Patto:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberi jawapan bahawa pihak Kerajaan khawatir salahguna rapat umum oleh pihak-pihak tertentu baik Pembangkang ataupun pihak parti-parti yang memerintah. Saya ingin mendapat tahu sama ada dari pengalaman pernahkah penyalahgunaan ini berlaku? Kalau ada, tidakkah Kerajaan mempunyai undang-undang yang cukup lengkap umpamanya Akta Hasutan dan lain-lain Akta yang sedia ada pada tangan Kerajaan. Tidakkah undang-undang itu akan mengawal sebarang penyalahgunaan rapat umum bagi menyampaikan pandangan, fikiran, pendirian setiap parti politik dalam negara?

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengingatkan bahawa tragedi 13hb Mei adalah satu perkara contoh, tauladan yang baik kepada negara kita dan seperti kata pepatah Inggeris: "Prevention is better than cure", lebih baik kita jangan mengambil risiko setelah rakyat terkorban, setelah ketenteraman dihancurkan barulah kita sedar hendak menggunakan undang-undang bagi ketenteraman dan kesejahteraan rakyat kita (*Tepuk*).

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Soalan tambahan. Nampaknya pihak Pembangkang merasa kalau kita ada pilihanraya ada rapat umum

mereka akan menang. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau masih ingat dan sedar bahawa dalam pilihanraya tahun 1959, 1964 dan 1969 kita mengadakan rapat umum, benarkah rapat umum tetapi parti Pembangkang kalah juga. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa kalau kita buka sekalipun peluang untuk rapat umum dalam pilihanraya akan datang parti Pembangkang akan kalah juga?

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Ini di luar daripada soalan yang asal (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa pengharaman rapat umum ialah bukan sahaja untuk parti-parti Pembangkang tetapi pun untuk pihak Kerajaan dan saya mahu bertanya kalau begitu bahawa pengharaman rapat umum ialah untuk kesejahteraan rakyat dan negara. Adakah Kerajaan pun akan mengharamkan perjumpaan orang ramai yang diadakan oleh Menteri-menteri apabila pergi membuat lawatan di mana ada orang ramai berkumpul dan pun ada ucapan-ucapan yang tidak berbeza daripada satu rapat umum di mana ada perkara-perkara yang sensitif yang ada bangkit, yang ada menyakitkan hati-hati golongan-golongan dalam negara kita?

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, perjumpaan rasmi yang diadakan oleh Kerajaan untuk penerangan dan penjelasan kepada rakyat tidak akan dihalang ataupun dimansuhkan kerana perjumpaan antara Kerajaan dan rakyat adalah satu tanggungjawab yang berat yang dipikul yang ianya diadakan untuk kemudahan dan keselesaan hidup rakyat.

### HARGA BARANGAN PENGGUNA

**3. Tuan Alias bin Md. Ali** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan peratus turunnya harga barangan pengguna seperti gula, tepung gandum dan susu di pasaran dunia sejak 1hb Januari, 1981 dan sama ada harga barang-barang tersebut akan juga diturunkan di pasaran tempatan dan jika tidak, mengapa.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat harga barangan pengguna yang telah turun di pasaran dunia sejak 1hb Januari, 1981 adalah gula mentah dan bijian gandum. Harga gula mentah di pasaran dunia telah turun dari kira-kira M\$1480 pada bulan Januari, 1981 hingga ke M\$720 setan metrik pada bulan Oktober, 1981 iaitu penurunan sebanyak 51 peratus. Bagi bijian gandum, harga puratanya bagi bulan Januari 1981 adalah kira-kira M\$425 dan bagi bulan September, 1981 adalah M\$402 setan metrik. Ini merupakan penurunan \$23 setan metrik atau sebanyak 5 peratus.

Mengenai susu pula, harga susu dan lain-lain 'dairy products' di dunia telah naik disebabkan, terutamanya oleh kekurangan bekalan di pasaran dunia dan polisi Negar-negara EEC untuk mengurangkan subsidi ke atas eksport susu. Ini menyebabkan kenaikan harga pengguna tempatan bagi susu tepung dan juga susu pekat manis yang menggunakan susu tepung Skim Milk Powder (SMP) dan Anhydrous Milk Fat (AMF) sebagai bahan-bahan mentah. Harga SMP ialah US\$665.85 bagi bulan Januari—Jun 1979 dan telah meningkat kepada US\$1218.05 pada bulan Januari—Jun 1981 dan lebih kurang US\$1232.90 bagi bulan Julai—Disember 1981. Harga AMF pula ialah US\$1434.29 bagi bulan Januari-Jun 1979, meningkat kepada US\$2,217.17 pada bulan Januari—Jun 1981 dan lebih kurang US\$2,714.61 pada bulan Julai—Disember 1981. Harga kedua-dua bahan itu dijangka akan terus naik lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sedang mengkaji untuk menetapkan harga gula runcit di pasaran tempatan bagi tahun 1982. Harga ini ditetapkan berdasarkan harga gula mentah di bawah Kontrak Jangka panjang Gula dengan Australia dan Fiji, harga gula mentah yang diimport dari pasaran dunia, harga gula ladang gula tempatan, kos penapisan dan pengedaran gula.

Mengenai harga runcit tepung gandum di pasaran tempatan, penurunan harga bijian

gandum mempunyai kesan yang minima ke atasnya. Walau bagaimanapun Kerajaan akan sentiasa mengawasi kecenderungan harga bijian gandum di pasaran dunia dan sekiranya perlu akan mengambil tindakan menurunkan harga tepung gandum tempatan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, orang ramai bersungut dalam soalan harga barang-barang keperluan ini tidak mengikut peraturan alam yang lain. Biasanya kalau peraturan alam yang lain naik lambat, turun cepat, tetapi dalam soal harga ini, dia naik cepat dan turun lambat. Jadi dalam soal harga gula misalnya, kalau sudah turun 51% di pasaran dunia, patutlah kesan penurunannya itu dirasakan oleh pihak pengguna. Jadi soalan saya, bilakah pihak Kementerian ini akan membuat perubahan harga dan saya fikir kalau hendak menunggu sampai tahun 1982 itu agak lambat sangat. Saya hendak tahu daripada pihak Kementerian sekiranya pihak Kementerian akan membuat keputusan segera untuk menurunkan harga gula secara proportionate walaupun kita sedar kita terikat mengikut kontrak jangka panjang dengan pihak pembekal luar negeri dan barangkali dalam kontrak itu sendiri untuk masa hadapan kita perlu flexible sedikit supaya apabila harga gula dunia turun, kita boleh pula menurunkan harga gula kita di sini.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, tidaklah betul iaitu harga naik cepat, turun lambat. Saya rasa kita pada masa-masa yang lepas ada mengkaji kedudukannya iaitu naik pun lambat dan kadang-kala saya rasa turun pun cepat juga, ada.

Saya suka memberikan faktor-faktor pada masa yang lepas untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, harga gula mentah dunia telah meningkat sejak bulan Ogos tahun lalu. Pada bulan September 1980, harga purata gula mentah di pasaran dunia ialah \$1,750 setan metrik bersamaan dengan harga runcit gula bertapis \$1.38 sen sekati. Penapis-penapis gula tempatan telah memohon kenaikan harga gula bertapis berdasarkan kenaikan harga gula mentah ini

dan pada 1hb Oktober, 1980 mereka dibenar menaikkan harga gula bertapis kepada 75 sen sekati, tetapi pada bulan Oktober, 1980 harga purata, gula mentah di pasaran dunia meningkat kepada \$1,984 setan metrik iaitu bersamaan dengan harga runcit gula bertapis \$1.55 sen sekati. Ini menyebabkan penapis-penapis gula tempatan telah membuat permohonan untuk menaikkan lagi harga gula bertapis tempatan selepas sahaja Kerajaan mengumumkan harga gula bertapis baru kepada 75 sen sekati. Semasa Kerajaan masih mengkaji dan menimbang permohonan dari penapis-penapis gula tempatan itu, harga gula mentah di pasaran dunia meningkat lagi. Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tidak begitu cepat naiknya.

Pada bulan November, 1980 harga purata gula mentah di pasaran dunia ialah \$1,921 setan metrik bersamaan dengan harga runcit gula bertapis \$1.51 sen sekati. Pada bulan Disember, 1980 harga purata gula mentah di pasaran dunia ialah \$1,528 setan metrik bersamaan dengan harga runcit gula bertapis \$1.24 sen sekati dan pada awal bulan Januari, 1981 harga purata gula mentah di pasaran dunia ialah \$1,525 setan metrik bersamaan dengan harga runcit gula bertapis \$1.27 sen sekati.

Kerajaan cuma mengumumkan harga runcit baru gula bertapis tempatan pada 22hb Januari, 1981 bila mana harga purata gula mentah di pasaran dunia ialah \$1,386 setan metrik bersamaan dengan harga runcit gula bertapis kepada \$1.18 sen sekati. Ini bermakna hanya selepas 3 bulan permohonan dari penapis-penapis gula tempatan barulah dapat Kerajaan meluluskan kenaikan harga runcit gula kepada mereka. Dalam 3 bulan yang berkenaan harga dipasaran dunia gula mentah telah meningkat begitu tinggi sehingga hampir \$2,000 setan metrik bersamaan dengan harga runcit gula bertapis lebih daripada \$1.50 sen sekati. Dalam lain-lain perkataan penapis-penapis gula tempatan telah menanggung kerugian dalam beberapa bulan yang mereka terpaksa menunggu keputusan Kerajaan menaikkan harga runcit gula tempatan.

Bagi tahun 1981 lebih kurang 66% gula mentah dibekalkan melalui kontrak

jangkapanjang yang mana mengikut harga purata gula pasir termasuk kos tapisan dan edaran ialah kira-kira 90 sen sekati.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka membawa kepada . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi jawapan Yang Berhormat?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tidak, hendak pendekkan sahaja, sebab itu hendak cari tempat penting, kalau hendak baca panjang lagi.

Kesimpulannya, mengikut faktor-faktor seperti mana yang saya sebutkan di atas 4 perkara faktor-faktor menimbang harga gula runcit. Walau bagaimanapun atas permintaan Kementerian, pihak penapis-penapis gula telah bersetuju untuk menurunkan harga runcit gula sebanyak 10 sen sekati menjadikan 95 sen sekati di Semenanjung Malaysia dan \$1.00 sekati di Sabah dan Sarawak pada 15hb Jun, 1981.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak bertanya lagi? Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya bukan berkaitan dengan harga gula. Di waktu gula mahal dan susah didapati, waktu itu Kerajaan meminta rakyat jelata jangan makan gula banyak, kerana gula itu membawa bahaya kepada kesihatan. Saya dengar radio dan TV pun kata begitu. Apakah merbahaya kepada kesihatan itu kerana harga gula mahal ataupun zat kandungan gula itu sendiri? Itu saya hendak minta jawapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sampai sekarang pun bahaya jika banyak sangat makan. (Ketawa).

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Sama ada harga gula itu mahal ataupun murah, saya rasa gula itu masih lagi merbahaya kepada kesihatan kalau di makan banyak sangat tambahan lagi kepada orang yang sakit kencing manis (diabetes) dan sebagainya. Kepada sesiapa yang sakit atau kalau Ahli Yang Berhormat yang sakit, saya rasa tak perlu makan gula banyak.

## AYAM SEMBELIHAN TEMPATAN

4. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada kesemua ayam-ayam sembelihan tempatan yang didapati dijual di kesemua pekan-pekan besar di Sarawak sesuai untuk dimakan oleh orang ramai; dan
- (b) sama ada Kementerian beliau sedar bahawa setengah daripada ayam-ayam tersebut adalah berpenyakit dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil terhadap orang-orang yang terlibat.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, sejauh yang dapat dikesan, ayam-ayam yang dijual di bandar-bandar utama di Sarawak adalah ayam-ayam yang baik dan yang boleh dimakan.

## LEMBAGA BEKALAN AIR NEGARA

5. **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan setakat mana usaha yang dijalankan dan kemajuan yang dicapai untuk menubuhkan Lembaga Bekalan Air Negara bagi mengatasi masalah bekalan Air di negara kita.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya masih menimbang cadangan untuk menubuhkan satu Lembaga Bekalan Air Negara. Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa mengikut peruntukan dalam Perlembagaan, tanggungjawab bagi bekalan air di negeri-negeri adalah terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri masing-masing. Yang demikian cadangan bagi menubuhkan satu Lembaga yang menyeluruh bagi Malaysia dan yang akan memindahkan kuasa daripada Kerajaan-kerajaan Negeri kepada Lembaga seperti ini adalah perkara yang rumit dan "delicate" dan akan mengambil masa.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa

pihak yang berkenaan mengambil masa yang begitu lama untuk menimbang perkara berkenaan dengan penubuhan Lembaga Bekalan Air Negara. Sungguhpun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menerangkan oleh sebab ada berkaitan dengan kuasa yang dipegang oleh Negeri.

Yang kedua, saya suka mendapat tahu apakah tindakan ataupun langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menubuhkan Pasukan Petugas untuk mengatasi masalah tentang bekalan air yang baru-baru ini ada disentuh oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahagian pertama soalan tambahan itu sudah ada diberi sebab-sebabnya, tetapi bahagian yang kedua itu kalau hendak ditambah lagi!

**Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mengadakan Lembaga Nasional ini cuma baru sahaja dan Kementerian berpendapat akan mengambil masa untuk membuat kirabicara dengan Kerajaan-kerajaan Negeri kerana ini melibatkan Perlembagaan dan memindahkankuasa.

Bagi soalan yang kedua ini pula Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mencungkilkan satu cara untuk mengatasi kelambatan bagi memperbaiki kerosakan-kerosakan paip-paip air. Ini bergantung kepada pengambilan pekerja-pekerja yang bertambah ramai dan ini sudahpun dibuat permohonan untuk meminta lebih ramai lagi pekerja-pekerja di peringkat Jabatan-jabatan Kerjaraya peringkat Negeri dan juga Lembaga-lembaga Bekalan Air Negeri kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk menambahkan pekerja-pekerja dan dengan adanya pertambahan pekerja-pekerja ini maka bolehlah diadakan Pasukan-pasukan Petugas.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin sedar bahawa soal membekalkan air kepada rakyat adalah satu soal yang mendesak dan ianya hanya boleh diselesaikan oleh Kerajaan Federal menerusi suatu badan yang khusus iaitu Lembaga Bekalan Air Negara.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa pernahkah Kerajaan Federal berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dengan cara serius mengenai pemindahan kuasa dari Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Federal. Jika perkara ini pernah diperundingkan dengan cara serius apakah masalah-masalah yang telah timbul oleh sebab setahu saya kebanyakan Kerajaan-kerajaan Negeri memang sedia untuk memindahkuasa ini kepada Kerajaan Federal.

**Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, macam saya katakan tadi cadangan untuk mengadakan Lembaga peringkat nasional cuma baru sahaja dikeluarkan. Masa dahulu memanglah pihak Kerajaan Pusat merasa Kerajaan-kerajaan Negeri tidak mampu untuk mengadakan bekalan air secara keseluruhan dan secara serius, maka dengan itu pihak Kerajaan Pusat telahpun mengadakan geran-geran bagi bekalan air luar bandar dan ini telahpun mengatasi banyak daripada masalah-masalah dan kerumitan-kerumitan yang telah ditemphi oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri. Tetapi untuk mengadakan secara co-ordinated effort maka inilah satu cadangan baru untuk mengadakan Lembaga Bekalan Air Negara.

Mengenai pendapat Yang Berhormat yang mengatakan kebanyakan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri bersedia untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Pusat itu belum dapat dipastikan lagi oleh kerana projek bekalan air ini adalah satu revenue kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tahu berapa lama dan berapa tahun diperlukan untuk menubuhkan Lembaga Bekalan Air Negara ini. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa masalah masa yang diperlukan panjang dan lama untuk mengadakan satu Lembaga ini tidak boleh digunakan sebagai satu sebab bahawa Kementerian yang berkenaan tidak mengambil tindakan yang sewajarnya yang perlu untuk mengatasi masalah-masalah bekalan air di mana dihadapi oleh penduduk-penduduk rakyat di Malaysia seperti di Muar sudah 10 tahun 300,000 orang penduduk-penduduk di sana menderita oleh kerana bekalan air tidak mencukupi. Sungguhpun

ada rancangan di bawah Rancangan Malaysia Kedua untuk mengadakan satu rancangan perairan yang berharga berjuta-juta ringgit tetapi 10 tahun sudah lepas, mungkin dalam Fifth Malaysia Plan pun belum dijalankan.

**Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang hendak menyentuh kuasa hak mutlak Kerajaan-kerajaan Negeri. Ini adalah satu hak yang telahpun dibekalkan dalam Perlembagaan, jadi baik-baik sedikitlah apa yang hendak diperkatakan.

Perkara yang keduanya, kita tidak boleh menyalahkan Kerajaan-kerajaan Negeri kerana mereka telahpun banyak membuat bekalan baru dan memperbaiki keadaan-keadaan dan tidak semestinyalah dengan kita mengadakan satu Lembaga Pusat boleh mengatasi keadaan-keadaan ini lebih cergas ataupun lebih cepat lagi. Kita tidak boleh menunjukkan satu-satu misalannya seperti yang dikatakan di Muar sebagai satu kesalahan ataupun kelemahan Kerajaan kita sepatutnya melihat atas kejayaan-kejayaan yang begitu banyak dan bekalan-bekalan telah diadakan oleh pihak Kerajaan.

#### **PARTI KOMUNIS MALAYA— PERLINDUNGAN**

**6. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar Parti Komunis Malaya mendapat perlindungan dari Negara China dan menyebabkan Ahli-ahli Parti tersebut terus mengganas di negara kita, jika sedar, adakah beliau bercadang akan mendesak Kerajaan China supaya tidak mengiktiraf lagi Parti Komunis Malaya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar tentang wujudnya hubungan di antara Negeri China dengan Parti Komunis Malaya. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Malaysia telah beberapa kali menyuarakan perasaan kluatir kita terhadap perkara ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah membangkitkan soalan ini dengan Perdana Menteri China semasa lawatan Perdana Menteri China ke Malaysia

dalam bulan Ogos yang lalu. Walau bagaimanapun, jawapan yang diterima dari pihak China adalah tidak memuaskan.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa didapati ada hubungan di antara Parti Komunis Malaya dengan negara China. Saya cuma hendak tahu sebab pada masa-masa yang lampau, kalau saya tidak silap, ada pendapat-pendapat yang berbeza-beza sedikit. Saya ingin mendapat tahu sama ada hubungan yang dikatakan ada di antara Parti Komunis Malaya dengan negara China adalah sebenar-benarnya perhubungan di antara Parti Komunis Malaya dengan Parti Komunis China.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah pandangan Kerajaan China tentang hubungannya dengan negara kita di mana pihak Kerajaan China telah mentakrifkan bahawa hubungan China dengan negara kita berdasarkan kepada perhubungan dua bentuk yakni pertamanya dalam bentuk hubungan Kerajaan dengan Kerajaan; yang keduanya perhubungan parti dengan parti. Sebenarnya dari segi Kerajaan kita, kita tidak menerima pandangan seperti itu kerana kita anggapkan bahawa pucuk pimpinan parti di China dan juga Kerajaan China adalah satu yang tidak dapat dibezakan.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan selalu mengatakan bahawa ia mengutamakan keselamatan lebih tinggi daripada yang lain-lain. Di dalam hal ini apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan kerana walaupun sikap negeri China atau Kerajaan China terus membantu Parti Komunis Malaya tetapi Kerajaan meneruskan hubungan diplomatik itu dan adakah ini kerana Kerajaan memberi pertimbangan yang lebih kepada masalah-masalah perdagangan misalnya daripada keselamatan di dalam memberikan pertimbangan tentang perhubungan di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan China.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum adalah menjadi dasar Kerajaan kita mengutamakan

soal keselamatan negara daripada soal-soal yang lain. Dan yang kedua, tidaklah bermakna bahawa kita hanya mementingkan soal perdagangan. Kita telah beberapa kali menjelaskan kepada pihak China bahawa sikap kita ialah untuk hidup berbaik-baik dengan semua negara tidak mengira apa bentuk pemerintahan ataupun ideologinya asalkan mereka dapat menghormati kemerdekaan dan kedaulatan serta integriti dan hasrat rakyat kita, dan selagi perhubungan tersebut adalah berlandaskan kepada prinsip tersebut maka selagi itu kita dapat mempertahankan konsep yang kita amalkan iaitu untuk hidup di dalam keadaan aman, bebas dan berkecuali.

Walaupun bagaimanapun China telah menyatakan mereka telah menghormati konsep tersebut tetapi mereka belum dapat lagi menyakinkan kepada kita dengan janji-janji yang telah dibuat kerana sebagaimana yang biasa disebutkan mereka masih lagi menghidangkan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, rotten fish in a sweet and sour dish dan selagi itu kita akan memerhatikan perkembangan ini sedekat-dekatnya sehingga apa yang disebutkan oleh Perdana Menteri China, Encik Zhao Ziyang hanya masa sahaja yang dapat menentukan keikhlasan mereka itu benar-benar terbukti.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menjawab beberapa perkara mengenai dengan pengiktirafan negara China terhadap Parti Komunis. Saya ingin bertanya beliau, yang pertama apakah jawapan yang dikehendaki oleh Wisma Putra dari Negeri China yang memuaskan kerana Setiausaha Parlimen menyatakan jawapan dari China tidak memuaskan? Yang kedua, apakah pula tindakan Kerajaan terhadap jawapan yang tidak memuaskan oleh Kerajaan Negeri China; dan yang ketiga apakah tidak menggugat kedaulatan negara Malaysia kalau sekiranya negara China masih terus mengiktiraf Parti Komunis Malaya yang sedang berusaha untuk menjatuhkan Kerajaan Malaysia?

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah pun saya sebutkan tadi memanglah

jawapan yang telahpun diberikan oleh China terhadap perhubungan dengan Parti Komunis Malaya adalah tidak memuaskan kerana mereka menganggap sebagaimana yang saya sebutkan tadi perhubungan di antara China dengan Malaysia berdasarkan dua approach ataupun 'dichotomy'—Kerajaan dengan Kerajaan, parti dengan parti. Tetapi perkara ini telahpun kita jelaskan di dalam perundingan-perundingan yang telah dibuat oleh pemimpin negara ini dengan pemimpin negara China dan kita telah menyatakan bahawa sebaik-baiknya adalah supaya Kerajaan China tidak ada hubungan langsung dengan pihak Parti Komunis Malaya kerana kita anggapkan ini adalah merupakan satu campurtangan ataupun secara tidak langsungnya sokongan moral kepada perjuangan bersenjata oleh pihak Parti Komunis, dan tindakan selanjutnya ialah melalui perundingan sebagaimana yang telahpun kita maklumkan kita menggunakan proses diplomasi menerangkan hasrat kita yang sebenarnya dan kita berharap dalam satu masa yang akan datang pihak China akan dapat memahami dengan lebih jelasnya hasrat yang disebutkan oleh Kerajaan kita.

### KEKETATAN WANG TUNAI (LIQUIDITY SQUEEZE)

7. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan keketatan wang tunai (liquidity squeeze), kesannya ke atas pelaburan baru dan pelaburan semula dan setakat manakah perusahaan perumahan terjejas akibat ini yang menambahburukkan kekurangan perumahan terutama sekali perumahan kos rendah.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat atas beberapa aspek kedudukan kredit di negara kita pada masa ini. Pertama, walaupun pinjaman bank bagi tahun 1981 telah berkurangan sedikit tetapi secara jumlahnya ianya lebih kurang serupa seperti tahun lepas. Jumlah pinjaman bank pada tahun ini adalah dijangka di antara \$5 billion sehingga \$5.3 billion berbanding dengan \$5.6 billion tahun lalu. Bagi 8 bulan

pertama tahun ini pinjaman bank bertambah kepada \$3.4 billion berbanding dengan \$3.7 billion bagi jangka masa yang sama tahun lalu. Dalam keadaan ini ianya tidak boleh dikatakan sebagai keketatan wang tunai. Kesemua pinjaman-pinjaman baru telah digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti ekonomi yang produktif dari segi pembinaan, pembangunan perumahan dan estet-estet, perdagangan, pengeluaran barang-barang dan pertanian.

Kedua, pinjaman bank untuk perumahan, pembinaan dan pembangunan estet-estet perumahan telah bertambah dengan kadar yang lebih cepat berbanding dengan tahun 1980 iaitu sebanyak \$1,420 juta atau 41% daripada jumlah pinjaman baru yang telah diberi oleh bank berbanding dengan \$890 juta atau 24% dalam jangka masa yang sama tahun lalu. Secara khususnya bagi 8 bulan pertama tahun ini pinjaman perumahan kepada individu telah meningkat kepada \$368 juta berbanding dengan \$356 juta dalam jangka masa yang sama tahun lalu.

Ketiga, di dalam kajian yang terakhir yang dijalankan oleh Bank Negara, bank-bank perdagangan telah melaporkan bahawa mereka dipertanggungjawabkan untuk memberi pinjaman yang tidak kurang dari \$520 juta bagi membiayai pembelian lebih dari 13,500 buah rumah dalam setengah tahun pertama 1981 berbanding dengan \$364 juta dalam jangka masa yang sama tahun lalu. Tanggungan ini merupakan kedudukan pada akhir bulan Jun 1981 dan saya jangka tanggungan yang baru telah dibuat sejak daripada itu. Apa yang lebih penting ialah mengikut bank-bank tersebut 85.5% daripada pinjaman itu dari segi bilangan unit akan diberikan kepada individu-individu untuk membeli rumah-rumah yang berharga sehingga \$100,000 satu.

Dan keempat, panduan Bank Negara berhubung dengan pinjaman perumahan kepada individu-individu mesti dipatuhi oleh semua bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan tidak lewat dari akhir tahun ini dan ini akan menjamin bahawa jumlah minima sebanyak \$618 juta akan diberikan bagi pembelian rumah-rumah pada tahun 1981. Hukuman yang berat akan

dikenakan kepada bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan yang tidak mematuhi panduan tersebut.

Di masa-masa yang lalu mana-mana bank atau syarikat kewangan yang tidak mematuhi arahan Bank Negara dikehendaki mendepositkan dengan Bank Negara sejumlah deposit yang sama banyak dengan jumlah wang yang tidak dikeluarkan sebagai pinjaman dengan kadar faedah yang ditentukan oleh Bank Negara. Keuntungan atau pendapatan daripada dendaan ini kemudiannya akan dipinjamkan dengan kadar faedah yang rendah kepada institusi-institusi termasuk bank-bank yang berkemampuan untuk memberi pinjaman yang lebih khusus bagi pembelian rumah-rumah yang berharga sehingga \$100,000 satu unit. Dengan gambaran menyeluruh ini dapatlah dikatakan bahawa sehingga ini pinjaman bank telah meningkat dengan kadar yang memuaskan pada tahun ini sesuai dengan keperluan kita untuk memastikan supaya pertambahan dalam pengeluaran wang tidak merupakan punca inflasi, malah dengan mengambil kira pembayaran luar negara kita yang semakin merosot, keadaan pinjaman bank yang bertambah hanya dapat dilakukan melalui langkah-langkah untuk menjamin supaya kedudukan mudah tunai akan berkembang selaras dengan permintaan kredit bagi kegunaan-kegunaan yang produktif.

**Dr Chen Man Hin:** Soalan tambahan. Sungguhpun kita dengar di sini Timbalan Menteri menafikan ada credit squeeze tetapi kita tidak boleh menafikan sebab kawalan finance di negara kita ada credit squeeze di mana semua bank harap ada wang untuk memberi loan kepada pemaju-pemaju dan lain-lain. Itu sebab interest rate sudah naik dan apabila interest sudah naik pembeli-pembeli rumah susah. Oleh itu, bolehkah Kerajaan beri jaminan kepada orang ramai yang hendak beli rumah, khususnya kos rendah untuk memberi satu pinjaman yang lebih kepada dia membeli rumah kos rendah dan juga beri peluang kepada pemaju-pemaju, sebab dia pun ada berkata dia tidak ada cukup wang membeli lebih rumah sebab ada credit squeeze. Kalau Timbalan Menteri sedar keadaan ini bolehkah diambil langkah untuk membaiki keadaan ini.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah memberi gambaran yang cukup jelas sebentar tadi dan kesimpulan daripada keterangan yang saya telah berikan sangat jelas tidak ada credit squeeze yang dikenakan oleh Bank Negara terhadap bank-bank perdagangan.

Soal kenaikan interest rate tidak boleh dikaitkan dengan kononnya ada credit squeeze pada masa ini oleh kerana Kerajaan telah membuat ketetapan supaya membenarkan bank-bank untuk bersaing untuk mendapat deposit bagi bank-bank mereka.

Berhubung dengan individu-individu hendak membeli rumah pada masa ini didapati bahawa keseluruhannya syarikat-syarikat telahpun menerima kelulusan bagi membuat rumah-rumah dan pembinaan estet-estet yang baru telahpun menerima bridging financing daripada bank dan lazimnya bridging financing ini kita convert sebagai end financing. Jadi daripada punca yang kita dapati tidak menunjukkan ada masalah kewangan yang dihadapi oleh pemaju-pemaju perumahan yang genuine. Apa yang mungkin berlaku kita difahamkan bahawa setengah-setengah pemaju perumahan ini apabila dapat pinjaman daripada bank untuk memajukan kawasan perumahan, mereka menggunakan duit itu untuk spekulasi dalam pasaran saham. Jadi dalam kes-kes seperti ini maka mereka tidak boleh menyalahkan Bank kerana tidak memberi pinjaman kepada mereka.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sehingga hari ini berapakah bilangan bank tidak mengikuti arahan daripada Bank Negara untuk melepaskan pinjamannya dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada di antara bank mengenakan bunga yang berlainan ke atas pinjaman perumahan, umpamanya, ada yang 17% dan ada pula yang 14%. Apakah sebabnya?

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini adalah didapati bahawa 22 buah bank perdagangan yang belum lagi memenuhi 10%

garis panduan yang telah ditetapkan oleh Bank Negara. Walau bagaimanapun, mereka belum lagi menyalahi garis panduan tersebut oleh kerana mereka ada tempoh masa sehingga akhir tahun ini untuk memenuhi quota 10% itu dan bukan sahaja quota 10% dikenakan tetapi bank-bank perdagangan adalah dikehendaki untuk memberi pinjaman kepada kadar 10% kepada individu-individu yang hendak membeli rumah-rumah yang kurang daripada \$100,000 nilainya. Bagi rumah-rumah yang lebih tinggi daripada \$100,000 ini terpulanglah kepada bank untuk mengenakan kadar faedah yang difikirkan patut.

### KAYU COTA POLIS

**8. Dato Haji Yusoff bin Malim Kuning** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedar, bahawa langkah melengkapkan Pasukan Keselamatan (Polis) dengan hanya kayu cota, sewaktu bertugas itu, akan mendedahkan diri mereka kepada bahaya perompak-perompak yang bersenjata api dan jika sedar, apakah Kerajaan akan mengkaji semula peraturan tersebut.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat langkah memperkenalkan kegunaan cota oleh Pasukan Polis semasa menjalankan tugas adalah merupakan salah satu langkah yang bertujuan untuk memberi imej baru bahawa Polis itu adalah sahabat orang ramai. Kegunaan cota itu diharap dapat memberikan kesan kepada pemikiran orang ramai supaya tidak berasa takut berjumpa dengan anggota-anggota Polis.

Memang penggunaan cota mempunyai risiko yang tersendiri yang berbeza daripada satu tempat ke satu tempat dan satu masa ke satu masa. Oleh itu, dalam perlaksanaannya Ketua Polis Negeri dan Ketua Polis Daerah telah diberi kuasa untuk membuat pertimbangan dan menggunakan budibicara dan kebijaksanaan mereka sama ada anggota-anggota Polis yang menjalankan tugas di kawasan mereka hendak dilengkapi dengan senjata api atau cota atau

kedua-duanya sekali. Pertimbangan ini mengambil kira keadaan-keadaan keselamatan dan ancaman di kawasan yang berkenaan. Peraturan-peraturan ini akan dikaji dengan teliti daripada semasa ke semasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1 dan No. 9 hingga 16 adalah diberi di bawah ini.)*

### LAWATAN PERDANA MENTERI KE INDONESIA DAN THAILAND

**1. Tuan Ismail bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil rundingan-rundingan yang telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri semasa lawatannya ke negara-negara sahabat iaitu Indonesia dan Thailand pada baru-baru ini, dan apakah hasil tersebut memuaskan atau sebaliknya.

**Perdana Menteri:** Lawatan yang saya lakukan ke Indonesia dan Thailand pada bulan Ogos yang lalu adalah di dalam konteks pertukaran pendapat dan perundingan yang sering dilakukan di antara pemimpin-pemimpin negara berkenaan dengan Malaysia. Lawatan ini adalah lawatan saya yang ulung sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Perbincangan saya dengan kedua-dua pemimpin negara tersebut telah diadakan di dalam suasana yang penuh muhibah dan persahabatan. Di kedua-dua pertemuan itu saya telah berbincang dengan pucuk pimpinan negara-negara berkenaan mengenai berbagai perkara yang menyentuh soal perhubungan dua hala dan juga masalah serantau dan antarabangsa yang menyentuh kepentingan bersama.

Ketua pemimpin negara-negara tersebut bersetuju supaya kerjasama yang erat dan tali persahabatan yang kukuh di antara negara mereka dan Malaysia terus dipertingkatkan dan diperkukuhkan. Kami bersependapat bahawa Pertubuhan ASEAN telah mencapai perkembangan yang sangat memuaskan sehingga berupaya untuk memainkan peranan yang positif di dalam memberi

sumbangan terhadap mencapai kestabilan politik dan perkembangan ekonomi di rantau ini dan kami juga bersetuju bahawa identiti ASEAN itu perlu dipelihara dan dipertingkatkan.

Saya telah juga membincang mengenai masalah Kampuchea dengan Presiden Soeharto dan Perdana Menteri Tan Sri Prem dan kami telah bersetuju dengan deklarasi dan resolusi yang dibuat di Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea yang telah diadakan di New York. Kami berpendapat bahawa persidangan tersebut telah memberi sumbangan yang positif terhadap usaha-usaha mencapai penyelesaian politik di negara tersebut. Kami telah menegaskan betapa pentingnya tentera-temtera asing diundurkan dari negara itu supaya rakyat Kampuchea diberi hak untuk menentukan masa depan mereka tanpa campurtangan dari luar. Penyelesaian politik terhadap masalah Kampuchea adalah amat perlu untuk mewujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara.

Dalam perbincangan saya dengan ketua-ketua negara berkenaan saya telah juga menyentuh perkara pencerobohan Soviet Russia ke atas Afghanistan. Kami bersetuju bahawa penyelesaian politik terhadap masalah ini akan dapat diatasi setelah tentera Russia diundurkan supaya rakyat Afghanistan dapat menentukan sendiri corak Kerajaan yang mereka inginkan.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa lawatan saya ke Indonesia dan Thailand adalah satu lagi langkah di dalam usaha memperkukuhkan tali persahabatan yang erat di antara Malaysia dan kedua-dua negara tersebut. Saya berpuashati dengan lawatan-lawatan itu dan, pada hemat saya, lawatan-lawatan itu sangatlah berhasil.

## PENGAMBILAN KAKITANGAN KERAJAAN

9. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan berdasarkan kepada pemerintahan Kerajaan yang baru bolehkah beliau menimbangkan untuk memperkenalkan sistem kota di dalam bidang-bidang

berikut untuk membayangkan konsep berbilang kaum di negara Malaysia ini:

Dalam bidang pekerjaan ..	44%	untuk	orang
			Melayu
Dalam bidang pelajaran ..	40%	untuk	orang
			Cina
Dalam bidang pemberian Tanah dan Perumahan	16%	untuk	orang
			India

**Perdana Menteri:** Kerajaan sememangnya memberi perhatian yang berat ke atas keperluan untuk mengambil kakitangan Kerajaan dari berbilang kaum serta juga memberi peluang yang sama kepada semua calon-calon yang memohon jawatan-jawatan di dalam perkhidmatan Kerajaan. Walau bagaimanapun, soal untuk menentukan supaya pengambilan kakitangan Kerajaan itu mencerminkan komposisi berbilang kaum adalah bergantung khususnya kepada beberapa faktor: pertama, kelulusan, kelayakan dan kesesuaian ataupun prestasi calon-calon yang ditemuduga; keduanya komposisi kaum di kalangan pemohon-pemohon itu sendiri. Umpamanya jikalau jumlah pemohon-pemohon untuk sesuatu jawatan tidak mencerminkan komposisi kaum iaitu kebanyakannya adalah terdiri dari satu kaum, maka tidaklah logik atau menasabah memilih pula calon-calon mengikut komposisi kaum kerana ada kemungkinan besar bahawa mereka yang sesuai akan ditolak dan yang tidak sesuai akan diambil.

Boleh dikatakan tiap-tiap Jabatan Kerajaan sedia mempunyai kakitangan yang terdiri daripada berbilang kaum, iaitu hasil daripada usaha-usaha pengambilan yang berpandukan kepada faktor-faktor seperti yang saya sebut di atas tadi. Oleh yang demikian, saya tidak nampak apakah perlunya Kerajaan mengubah dasar pengambilannya yang tersebut itu.

Urusan pemberian hakmilik tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri, kecuali tanah-tanah dalam Wilayah Persekutuan. Oleh itu terpulanglah kepada Pihak Berkuasa Negeri-negeri/Wilayah untuk menentukan sistem atau dasar pemberian hakmilik. Sebagai garis kasar, dasar pemberian tanah kepada seseorang yang berkelayakan ialah mengikut Peruntukan 43

Kanun Tanah Negara. Ianya dibuat tanpa berasaskan faktor kaum.

Dalam rancangan perumahan pula, pembahagian rumah-rumah tidak mengikut sistem kota tetapi terbuka kepada semua kaum yang ada di negara ini. Walau bagaimanapun, berasas kepada Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan-kerajaan Negeri mengenakan peraturan pembahagian tidak kurang daripada 30% dari rumah-rumah yang tertentu untuk kaum Bumiputra.

Dalam bidang pelajaran, Kerajaan berpuas hati dengan sistem yang dianuti sekarang dan tidak bercadang untuk menukarnya mengikut sistem kota yang dicadangkan itu.

### KEJATUHAN HARGA BARANGAN DAN PASARAN SAHAM

**10. Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa apakah faktor-faktor yang mengakibatkan kemerosotan harga-harga keluaran utama negara kita serta pasaran saham baru-baru ini, apakah langkah-langkah telah diambil untuk memperbaiki keadaan kemerosotan harga tersebut, dan bagaimana pula Kerajaan dapat bertindak untuk mencegah kegiatan spekulasi dan cara desas desus yang dipermainkan di pasaran saham sehingga pembangunan ekonomi dan kestabilan politik negarapun terjejas.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Sebagaimana yang telah dialami pada tahun-tahun yang lalu, kejatuhan harga keluaran barangan utama negara kita baru-baru ini adalah disebabkan oleh kemerosotan dalam permintaan dunia berikutan daripada kemelesetan ekonomi yang berpanjangan di kalangan negara-negara perindustrian utama. Kadar faedah yang tinggi yang berpanjangan telah menaikkan kos penyimpanan inventori dan seterusnya telah mengakibatkan kekurangan permintaan secara menyeluruh di masa ujudnya ketidaktentuan berkenaan dengan prospek masa depan bagi pemulihan awal dalam aktiviti ekonomi dunia.

Mengenai pasaran saham pula, kejatuhan yang mendadak di dalam harga saham adalah akibat daripada beberapa faktor utama termasuk ketidakstabilan dalam pasaran barangan khususnya getah, kadar faedah yang terus meningkat dan juga kedudukanimbangan pembayaran yang lemah. Perkembangan ini adalah di luar jangkaan yang membayangkan keadaan ekonomi dunia yang lemah dan tidak pasti. Walau bagaimanapun, situasi dalam pasaran saham ini tidaklah semestinya menggambarkan keadaan keyakinan ahli-ahli perniagaan terhadap kedudukan ekonomi tempatan oleh kerana kedua-duanya ini tetap kukuh bagi negara kita.

Jawapan saya kepada soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada hari semalam mengenai cadangan Kerajaan untuk meminda Akta Perusahaan Sekuriti 1973 ada kaitan dengan soalan ini.

### PEMOHON TELEFON DI PULAU PINANG

**11. Tuan Wong Hoong Keat** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berkenaan dengan Telekom di Pulau Pinang seperti berikut:

- (a) bilangan pemohon telefon dalam tempoh 1979, 1980 dan separuh tahun 1981 yang pertama;
- (b) bilangan telefon yang disediakan dalam tempoh-tempoh tersebut di atas;
- (c) sebab-sebab mengapa hanya kegagalan untuk menyediakan perkhidmatan telefon yang lebih sempurna;
- (d) langkah-langkah diambil untuk memperuntukkan lebih banyak perkhidmatan telefon; dan
- (e) bil-bil terakru yang harus dikutip daripada pelanggan-pelanggan dan jumlah yang dianggap sebagai hutang lapuk.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan-jawapan kepada pertanyaan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

- (a) Bilangan pemohon telefon di Pulau Pinang pada tahun 1979 ialah seramai 10,488, pada tahun 1980 ialah seramai 12,266 dan sehingga bulan Jun tahun ini ialah 7,328;
- (b) Bilangan pemasangan telefon bagi tempoh-tempoh tersebut di atas ialah seperti berikut:
  - (i) Pada tahun 1979 ialah sebanyak 4,806;
  - (ii) Pada tahun 1980 ialah sebanyak 7,080;
  - (iii) Bagi setengah tahun pertama 1981 ialah sebanyak 5,895.
- (c) Mengenai kelewatan Jabatan Telekom Pulau Pinang dalam menyediakan perkhidmatan telefon pula, suka saya memberitahu bahawa ianya disebabkan oleh kadar permintaan adalah jauh melebihi kadar kemampuan Jabatan Telekom dalam pemasangannya;
- (d) Untuk memperbaiki perkhidmatan telefon di Pulau Pinang, Jabatan Telekom akan melaksanakan projek-projek seperti yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Keempat yang akan menambahkan bilangan talian-talian terus telefon;
- (e) Bil-bil terakru yang harus dikutip daripada pelanggan-pelanggan di Pulau Pinang sejak tahun 1959 hingga bulan Jun 1981 ialah sebanyak \$1,041,837.89.

#### SISTEM KAD PENENTUAN WAKTU

**12. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pelaksanaan sistem kad penentuan waktu dalam semua pejabat Kerajaan tidak semestinya bermakna bahawa akan terdapat

satu peningkatan 'produktiviti' dalam sektor awam dan satu perubahan sikap kakitangan Kerajaan terhadap orang ramai, jika sedar, apakah langkah-langkah baru yang sedang dirancangkan selain daripada sistem kad penentuan waktu bagi meninggikan 'produktiviti' dalam semua jabatan dan kementerian.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Saya sedar bahawa penggunaan sistem kad penentuan waktu dalam semua pejabat-pejabat Kerajaan tidak dengan sendirinya boleh meningkatkan 'produktiviti' dalam sektor awam atau mengubah sikap kakitangan Kerajaan terhadap orang ramai. Pelaksanaan sistem itu adalah merupakan salah satu dari berbagai-bagai usaha yang telah, sedang dan akan dilancarkan untuk melahirkan satu perkhidmatan awam yang licin, jujur dan cekap. Sistem kad penentuan waktu dilancarkan dengan tujuan untuk menanamkan semangat bertanggungjawab tentang penggunaan waktu Kerajaan dan menambahkan 'sense of urgency' pegawai-pegawai Kerajaan dalam memulakan tugas mereka di waktu pagi serta meneruskan kerja dengan tekun hingga sampai waktunya untuk pulang. Maka dalam konteks inilah sistem kad penentuan waktu ada peranan meningkatkan produktiviti dalam sektor awam. Malah penggunaan kad perakam waktu itu akan dapat menunjukkan manakah seorang pegawai yang sanggup untuk terus bekerja sehingga melebihi waktu pejabat biasa untuk menyelesaikan pekerjaannya, kerana waktu ia sebenarnya pulang akan tercatat pada kad itu.

Langkah-langkah lain yang dijalankan untuk menambah 'produktiviti' dan kecekapan pegawai-pegawai serta kakitangan Kerajaan adalah banyak. Ini termasuklah mempercepatkan lagi sistem pengambilan pegawai-pegawai baru untuk mengisi kekosongan dan memenuhi keperluan-keperluan baru, meningkatkan lagi latihan-latihan bagi menambah pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai Kerajaan itu dan melancarkan program khidmat cemerlang yang berlandaskan Ethika Perkhidmatan Awam untuk menjamin supaya mereka bertugas atas prinsip-prinsip ethika dan 'moral

obligation' yang kukuh. Melalui program khidmat cemerlang itu berbagai-bagai insentif telah ditetapkan bagi pegawai-pegawai yang bekerja dengan tekun, dedikasi dan penuh tanggungjawab manakala peraturan-peraturan disiplin juga telah diperketatkan untuk menentukan bahawa mereka yang tidak berkhidmat dengan tekun akan disingkirkan atau dikenakan tindakan disiplin.

Untuk memperbaiki hubungan dan sikap kakitangan Kerajaan terhadap orang ramai latihan-latihan khusus dalam bidang itu juga sedang berjalan dan ini akan dipergiatkan lagi. Sistem penilaian tahunan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah juga memberi perhatian yang berat kepada faktor perhubungan dan sikap seseorang kakitangan Kerajaan terhadap orang ramai termasuk kegiatan-kegiatan mereka dalam hal-hal kemasyarakatan. Dalam hubungan ini pegawai dan kakitangan Kerajaan telah dinasihatkan untuk merapatkan lagi hubungan mereka dengan masyarakat, memahami kesulitan-kesulitan serta masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dan bertindak tegas untuk mengatasi masalah-masalah itu. Pendek kata Kerajaan sedang menjalankan apa sahaja usaha yang boleh untuk menambah kecekapan dan 'produktiviti' kakitangannya pada masa ini dan penggunaan sistem kad penentuan waktu itu hanya satu langkah kecil dalam usaha-usaha lain yang banyak.

### **PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI—MENGEMASKINI**

**13. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau akan mengemaskini PKEN, perbadanan-perbadanan atau anak-anak syarikatnya supaya pegawai-pegawai Kerajaan tidak menduduki lebih daripada satu directorship di agensi-agensi Kerajaan agar mereka dapat menumpukan sepenuhnya tugas dan tanggungjawab bagi perjalanan sesuatu perbadanan itu di samping dapat memberi peluang kepada pegawai-pegawai lain mengambil bahagian yang lebih aktif dan berkesan. Jika tidak, mengapa.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tindakan memang sedang

diambil bagi mengemaskinikan PKEN-PKEN, Perbadanan-perbadanan atau anak-anak syarikat di bawah Kementerian Perusahaan Awam. Ini termasuklah mengkaji dan menyusun semula penyertaan pegawai-pegawai Kementerian ini dan pegawai-pegawai di Perbadanan berkenaan dalam Lembaga Pengarah Perbadanan atau syarikat di bawah Kementerian ini atau syarikat-syarikat di bawah Perbadanan. Menteri Perusahaan Awam telah menentukan hanya Pegawai-pegawai Kanan Kementerian sahaja yang akan menduduki sebagai Ahli Lembaga Pengarah mana-mana perbadanan atau syarikat. Tetapi oleh kerana bilangan Pegawai Kanan yang terhad, Menteri Perusahaan Awam telah menentukan bahawa mereka bolehlah menduduki tidak lebih dari lima Lembaga Pengarah kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu. Menteri Perusahaan Awam juga telah mengarahkan semua Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri mengenai perkara ini supaya penyertaan seorang Pegawai Kanan Perbadanan dalam Ahli Lembaga Pengarah anak-anak syarikat dihadkan seboleh-bolehnya kepada maksimumnya lima Lembaga Pengarah sahaja.

### **MUTU KHIDMAT PENTADBIRAN KERAJAAN**

**14. Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan mutu khidmat pentadbiran Kerajaan sentiasa cekap dan cepat demi kepentingan rakyat terutama di luar bandar dan bagi mencapai matlamat tersebut, adakah Kerajaan bercadang akan mengadakan kursus-kursus khas kepada kakitangan Kerajaan di peringkat bawahan yang sentiasa berhubung dengan urusan orang ramai.

**Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memastikan mutu khidmat pentadbiran Kerajaan sentiasa cekap dan cepat demi kepentingan rakyat di luarbandar mahupun dalam bandar. Kerajaan juga senantiasa berusaha untuk meningkat dan memperbaiki lagi mutu khidmat tersebut dengan mengadakan kursus-kursus kepada kakitangannya khasnya di peringkat bawahan yang senantiasa berhubung dengan urusan orang ramai. Kursus-kursus ini dijalankan

sama ada di INTAN atau di bawah Jabatan/Kementerian masing-masing. Latihan di INTAN ini termasuklah latihan-latihan di cawangan-cawangannya di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Alor Star, Ipoh, Johor Bahru, Negeri Sembilan, Kuala Trengganu, Kuantan dan Kota Bharu. Satu program yang penting yang dijalankan oleh INTAN, berhubung dengan soalan yang dikemukakan ini, ialah kursus perhubungan awam. Isi kandungan kursus ini dimasukkan juga ke dalam kebanyakan kursus-kursus lain yang diadakan di INTAN. Adalah dijangka bilangan yang akan dilatih pada keseluruhannya akan meningkat lagi apabila kampus utama dan 3 Kampus Wilayahnya yang baru di Bukit Kiara, Kuala Lumpur, Sungai Petani, Kedah, Kluang, Johor dan Kemaman, Kuala Trengganu siap dan digunakan pada awal Tahun 1983 nanti.

Di samping itu pihak Jabatan/Kementerian diminta meningkatkan usaha melatih kakitangannya di bawah skim latihan Jabatan masing-masing untuk meninggikan mutu perkhidmatan mereka.

Dengan langkah-langkah ini, Kerajaan yakin bahawa mutu perkhidmatan awam sekarang sudah mulai meningkat.

#### LAPORAN KETUA ODIT NEGARA BAGI TAHUN 1977

**15. Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang Kerajaan bercadang mengambil untuk mengelakkan keadaan yang buruk seperti didedahkan dalam Laporan Ketua Odit Negara bagi tahun 1977.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Soalan yang hampir sama telahpun dijawab semasa menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 12hb Oktober, 1981. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan mengenainya.

#### PROJEK FELCRA

**16. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah peranan FELCRA bagi menjayakan projek-projek untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar dari wang

pinjaman Bank Dunia. Berapakah luas tanah dan apakah tanaman-tanaman yang akan diusahakan di bawah skim pinjaman wang ini dan berapa lamakah wang pinjaman ini dapat dijelaskan.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Shariff Ahmad):** Penglibatan FELCRA dengan pinjaman Bank Dunia adalah untuk:

- (1) Projek Pembangunan Pertanian Sepadu Seberang Perak.
- (2) Projek Pemulihan dan Pinggir dalam Rancangan Malaysia Kempat.

*Projek Pembangunan Pertanian Sepadu Seberang Perak.*

Bagi projek pembangunan pertanian sepadu Seberang Perak, FELCRA adalah salah satu daripada beberapa agensi pelaksanaan yang akan bertanggungjawab bagi memajukan projek tersebut. Projek ini yang menelan belanja sejumlah \$329 juta meliputi seluas 37,660 ekar terdiri dari:

- (i) 12,820 ekar kawasan padi (tidak termasuk 11,220 ekar kawasan-kawasan padi yang telah sedia dimajukan oleh FELCRA, Jabatan Pertanian dan Kerajaan Negeri);
- (ii) 17,840 ekar kelapa sawit;
- (iii) 3,000 ekar kawasan koko; dan
- (iv) 4,000 ekar kawasan pusat bandar dan perumahan.

Pembangunan di kawasan yang dibiayai oleh projek Bank Dunia ini telah bermula sejak tahun 1979 dan akan siap dimajukan menjelang tahun 1986. Penglibatan Bank Dunia dalam projek ini adalah untuk memberi pinjaman sejumlah US\$50 juta ( $\pm$  \$107 juta) iaitu 30% dari jumlah kos. Seramai 4,300 peserta akan menyertai projek ini dan akan ditempatkan di pusat bandar. Jumlah ini tidak termasuk seramai 2,500 peserta yang telah sedia ada di dalam kawasan ini. Faedah yang akan diperolehi oleh mereka-mereka yang menyertai projek Seberang Perak ini adalah sebagaimana yang berikut:

- (i) Peserta-peserta akan mendapat kawasan padi seluas 3 ekar dan saham tanaman kekal (sawit dan koko) seluas 3

ekar tiap-tiap seorang dan mereka akan memperoleh pendapatan dari hasil jualan padi serta upah kerja dan lebih pendapatan dari hasil jualan sawit dan koko. Adalah dijangkakan jumlah pendapatan peserta-peserta dari kawasan ini akan melebihi \$400 seorang apabila seluruh kawasan pertanian telah mengeluarkan hasil.

- (ii) Kemudahan rumah peserta dan lot perumahan seluas  $\frac{1}{4}$  ekar seorang, sekolah rendah dan menengah, kemudahan api dan air, klinik dan lain-lain faedah prasarana (infrastruktur) yang didapati di kawasan bandar.

Penglibatan FELCRA dalam projek ini adalah untuk memajukan kawasan-kawasan pertanian dan pembinaan rumah peserta. FELCRA telah diperuntukkan sejumlah 30% daripada jumlah kos keseluruhan projek ini. Peserta-peserta yang terlibat dalam projek ini akan membayar balik kos pembangunan kawasan pertanian dan rumah dalam tempoh 20 tahun, dan pembayaran balik bermula dari tahun kesebelas projek dilaksanakan.

*Projek Pemulihan dan Pinggir dalam RME.*

Projek pemulihan dan pinggir dalam Rancangan Malaysia Keempat yang dibiayai oleh Bank Dunia adalah meliputi kawasan seluas 84,000 ekar terdiri dari 90 rancangan-rancangan pemulihan dan pinggir di seluruh Semenanjung yang akan ditanam dengan getah dan sawit. Seramai 12,000 peserta-peserta akan mendapat faedah dari projek ini. Pembiayaan Bank Dunia di bawah projek pemulihan dan pinggir ini adalah untuk jangka masa 5 tahun dari tahun 1981 hingga 1985. Jumlah kos projek adalah lebih kurang \$334 juta dan pihak Bank Dunia akan memberi pinjaman kepada Kerajaan Malaysia sejumlah US\$37 juta (\$80 juta).

Peserta rancangan pemulihan dan pinggir FELCRA dijangka memperoleh pendapatan melebihi \$500 sebulan dari bayaran upah kerja dan lebih pendapatan dari peruntukan saham sebanyak 6 hingga 8 ekar, getah dan sawit, tiap-tiap seorang.

Tempoh bayaran balik kos pembangunan adalah selama 20 tahun dan pembayaran balik

bermula pada tahun kesebelas projek dilaksanakan.

## USUL

### AKTA ACARA KEWANGAN, 1957 TABUNG AMANAH LEMBAGA PEPERIKSAAN

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen-kecil (4) (a) Seksyen 10 di dalam Akta Acara Kewangan, 1957, membuat keterangan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru seperti berikut:

Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan (13hb Oktober, 1981).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan petang semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sedang menyampaikan jawapannya. Saya jemput untuk menyambung.

3.38 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap semasa perbincangan usul pada hari semalam telah menyentuh mengenai kemungkinan pihak Lembaga Peperiksaan mengurangkan kadar bayaran peperiksaan SPM dan juga kadar bayaran peperiksaan HSC dan STP.

Sukacita saya menyatakan bahawa semenjak Lembaga Peperiksaan telah mengambil alih peperiksaan SPM/MCE kadar bayaran peperiksaan itu telah dikurangkan lebih kurang \$10 kalau dibandingkan dengan kadar yang ditetapkan oleh badan peperiksaan Cambridge, tetapi apa yang lebih nyata kepada kita, jika kita buat perbandingan dengan kadar sekiranya seorang calon itu mengambil peperiksaan SPM/MCE yang masih dikelolakan oleh badan Cambridge, seorang calon aliran Sains di Malaysia akan terpaksa membayar sebanyak \$185.00 mengikut kadar bayaran sekarang, berbanding dengan \$98.50 yang dikenakan oleh Lembaga Peperiksaan.

Selain daripada itu juga sepertimana yang saya telah nyatakan kadar peperiksaan di peringkat LCE, SRP telah dikekalkan pada paras \$15.00 untuk jangka waktu selama 25 tahun iaitu semenjak kita mendapat kemerdekaan sehinggalah pada hari ini kita berjaya mengekalkan kadar bayaran peperiksaan itu pada paras \$15.00.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya meneliti hujah-hujah yang disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling jelas pada saya bahawa dengan keghairahan beliau hendak menuduh Kerajaan secara tidak langsung beliau telah terperangkap dengan hujah-hujahnya sendiri. Ini sangat jelas kalau kita kaji permintaan yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu yang meminta supaya kadar bayaran peperiksaan dikurangkan sebanyak 50%, ini tidak ada asasnya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat bahawa Kerajaan telah cuba untuk mengenakan bayaran yang paling minima walaupun dengan keadaan dalam mana kos-kos tertentu telah meningkat dengan begitu tinggi tetapi kadar yuran telah kita berjaya mengekalkannya pada paras yang paling tinggi dan bukan setakat itu sahaja tetapi dalam kita mengambil alih SPM, MCE kita telah memberi kurangan yang sedikit.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:**  
(*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sabar dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat ini hendakkan penjelasan? Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Boleh.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Adakah Kerajaan menetapkan pada tahap minima yuran ini walaupun belanjanya banyak ini adalah daripada subsidi Kerajaan kepada harga ataupun yuran yang telah diberikan. Adakah ini dalam bentuk subsidi ataupun dalam bentuk sebagaimana yang Kerajaan berikan kepada lain-lain bantuan, misalnya kepada petani-petani dan lain-lain?

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, inilah masalah kepada orang yang tidak sabar. Kalau dia

sabar sedikit saya akan memberi penjelasan terhadap asas-asas kita mengenakan yuran peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang mana saya telah dapat keizinan daripada Menteri Pelajaran untuk menyatakan bahawa apabila Majlis Peperiksaan Malaysia mengambil alih peperiksaan STP pada tahun 1962 Majlis Peperiksaan akan memberi penurunan kepada kadar yuran yang dikenakan sebanyak 5%.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menyatakan supaya Kerajaan mengurangkan kadar bayaran peperiksaan dengan sekali gus sebanyak 50%. Saya suka menjelaskan di dalam Dewan ini bahawa kadar yuran peperiksaan yang dikenakan oleh Kerajaan sebenarnya merupakan kadar yang mana Kerajaan terpaksa menampung perbelanjaan yang berlebihan untuk mengendalikan peperiksaan-peperiksaan di dalam negara kita ini. Sebagai contoh bagi tahun 1982 yang akan datang ini jumlah yuran yang dijangka dikutip oleh Kerajaan adalah sebanyak \$25 juta tetapi perbelanjaan yang diduga terpaksa dikeluarkan oleh Kerajaan adalah pada paras \$35 juta.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan secara tidak langsung memberi subsidi kepada penuntut-penuntut kita yang kebanyakan terdiri daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Maka tidak ada lojiklah kalau kita tidak dapat menimbangkan perbelanjaan dengan kutipan hasil kita hendak kurangkan lagi sebanyak 50% tentulah dari segi pengurusan kewangan yang cekap dan baik memanglah tidak ada lojiknya. Dalam menguruskan kewangan dalam negara kita, kita tidak boleh seperti cerita Pak Kadok dan Pak Pandir boleh dengan sewenang-wenangnya mengurangkan kadar yuran yang dikenakan tanpa kita memberi perhatian kepada kesan terhadap perbelanjaan Kerajaan pada keseluruhannya. Kalau hendak dibuat perbandingan dari segi peperiksaan-peperiksaan yang dikendalikan oleh negara-negara lain dalam dunia hari ini bolehlah dikatakan kadar yuran yang dikenakan dalam negara Malaysia kita ini ialah yang paling rendah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh apa yang saya maksudkan sebagai kerja Ahli Yang Berhormat dari Petaling kalau tidak ada isu macam manapun dia mesti cari isu, air secawan dia hendak jadikan lautan kata saya.

Berhubung dengan kes Pengawas yang dikatakan hendak melancarkan boikot beramai-ramai memberi gambaran kepada Dewan yang mulia ini seolah-oleh 26,000 Pengawas-pengawas di seluruh negara kita ini menunggu masa sahaja hendak keluar boikot peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan. Tetapi cerita sebenarnya tidak sampai macam itu. Cerita sebenarnya melibatkan 20 orang sahaja, 20 orang Pengawas di negeri Kelantan yang tidak dapat menerima bayaran Penyelia Peperiksaan SPM mereka pada tahun sudah. Itupun bukan kerana kesilapan Kerajaan tetapi oleh kerana mereka sendiri membuat tuntutan dan membuat teguran atas beberapa aspek pembayaran yang diberikan oleh Kerajaan. Oleh sebab itulah maka terdapat sedikit kelewatan dalam kita menguruskan pembayaran kepada 20 orang tersebut dan bukanlah gambaran yang cuba dilukiskan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu seolah-olah 26,000 Pengawas-pengawas Peperiksaan di seluruh negara kita ini telah tidak menerima bayaran daripada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Ahli Yang Berhormat dari Petaling, Ahli Yang Berhormat dari Menglembu dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyindir tentang mutu peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan kita seolah-olah apabila peperiksaan-peperiksaan di dalam negara kita diambil alih oleh Lembaga kita sendiri mutu peperiksaan itu merosot.

Tuan Yang di-Pertua, saya menolak sekeras-kerasnya dakwaan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut. Sebenarnya banyak negara di dalam dunia ini yang mengakui bahawa mutu peperiksaan yang dikendalikan dalam negara kita ini adalah sama tarafnya sepertimana yang dikendalikan semasa peperiksaan itu diuruskan oleh badan peperiksaan Cambridge. Malah kelulusan daripada

peperiksaan-peperiksaan di dalam negara kita diiktiraf untuk kemasukkan universiti-universiti di luar negara kita seperti University Oxford, Cambridge, Harvard dan sebagainya.

Saya sukalah menyatakan di sini bahawa salah satu kejayaan yang besar yang harus kita berasa bangga ialah kejayaan kita untuk mengambil alih peperiksaan-peperiksaan yang dikendalikan oleh badan peperiksaan Cambridge di seberang laut. Itu adalah merupakan satu langkah kemajuan yang begitu besar yang tidak harus kita lupakan.

Saya akui dalam masa peralihan ini mungkin timbul dari masa ke semasa apa yang kita sifatkan sebagai teething problem dalam kita menguruskan peperiksaan-peperiksaan kita sendiri. Tetapi masalah-masalah teething problem itu tidak harus mengaburi mata kita seolah-olah memberi gambaran dan tanggapan bahawa mutu peperiksaan di dalam negara kita sudahpun merosot.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah-langkah bagi menjamin mutu peperiksaan di dalam negara kita ini terus terjamin, pihak Lembaga Peperiksaan sentiasa mengadakan perundingan dengan pihak badan peperiksaan Cambridge dari segi menentukan apa yang dikatakan sebagai standard testing di dalam negara kita. Di samping itu juga kita selalu mengadakan perhubungan yang rapat dengan pakar-pakar peperiksaan daripada luar negara, khususnya daripada United Kingdom untuk memberi nasihat-nasihat iktisas (professional advice) supaya mutu peperiksaan di dalam negara kita terus terkawal dan terus terjamin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membawa dakwaan kononnya ada unsur-unsur perkauman dalam kita memproses dan mengendalikan peperiksaan di dalam negara kita ini. Tetapi pada Kementerian yang berkenaan, kepada Kerajaan tidak ada bukti-bukti yang konkrit yang boleh menunjukkan bahawa berlakunya unsur-unsur perkauman dalam kita memproses dan kita menyelidikan peperiksaan di dalam negara kita. Langkah-langkah kawalan yang begitu ketat dibuat oleh Lembaga Peperiksaan supaya tidak timbul dakwaan dan juga kejadian sepertimana yang

telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah telah meminta supaya peperiksaan SPM dan peperiksaan HSC/STP dibuat dalam bahasa Tionghua.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sedih bila saya dengar permintaan Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah. Saya rasa ada kesannya kalau kita memberi Ahli-ahli Yang Berhormat kita beristirehat di Taiping begitu lama sehingga mereka ini out of date dengan apa yang sedang dibuat di dalam negara kita ini.

Saya mencadangkan kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lama beristirehat, kita berilah kursus orientasi kepada mereka mengenai Dasar Pelajaran Kebangsaan, mengenai Rukunegara, nasional aspirasi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah membuat beberapa teguran berhubung dengan pengendalian Tabong Amanah Seberang Laut yang mana hendak ditutup dengan lulusnya Usul ini.

Saya menerima teguran yang dibuat oleh Ahli yang terhormat itu, kerana teguran itu sebenarnya adalah berasaskan kepada laporan yang telah dibuat oleh Ketua Odit Negara. Arahan telahpun dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran kepada pegawai-pegawai yang merupakan Controlling Officer yang mengendalikan Tabong Kewangan tersebut sama ada di peringkat Pusat mahupun di peringkat Negeri-negeri supaya mereka mengemaskinikan akaun-akaun Amanah tersebut. Oleh kerana pada masa ini terdapat 12 akaun asas yang dikendalikan secara berasingan oleh 11 Jabatan Pelajaran Negeri dan juga satu lagi oleh Lembaga Peperiksaan. Sekiranya satu sahaja daripada akaun tersebut tidak ditutup maka konsolidasi tidak dapat dibuat oleh pihak yang berkenaan, walaupun akaun 1957, 1976, 1977 dan seterusnya tidak dapat ditutup. Oleh kerana tidak dapat dijalankan konsolidasi terhadap akaun-akaun tersebut, tidak bererti bahawa

kesemua 12 akaun tidak dikendalikan dengan baik.

Usaha-usaha yang baru telah dimulakan oleh Kementerian yang berkenaan dan Kerajaan pada keseluruhannya untuk memberi kursus-kursus yang lebih intensif lagi supaya kita dapat mengemaskinikan pengetahuan Controlling Officer tersebut. Kerajaan telah juga meminta pihak PSD apalah jua kiranya jangan mereka transfer pegawai-pegawai tersebut dengan begitu cepat. Kita dapati kadang kala pegawai itu baru sahaja beberapa bulan menjadi Controlling Officer, bila sampai naik pangkat, dia kena transfer ke Kementerian yang lain. Jadi perubahan yang selalu berlaku ini mengakibatkan sukar bagi kita hendak meningkatkan mutu pengetahuan pegawai-pegawai yang mengendalikan akaun-akaun yang begitu penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa satu arahan telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran kepada pegawai-pegawainya iaitu menjelang akhir tahun ini semua akaun-akaun tersebut daripada tahun 1975 sampai tahun 1980 hendaklah dikonsolidasikan dan ditutup, supaya bila dijalankan akaun Amanah yang baru ini tidak timbul lagi perkara-perkara yang lama berkaitan dengan Tabong Amanah Seberang Laut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu juga telah bertanya, apa akan jadi kepada baki daripada peruntukan Tabong Amanah tersebut.

Saya suka menyatakan di sini sekiranya ada duit berlebihan daripada Tabong Amanah tersebut akan diserahkan kepada Kerajaan sebagai hasil Kerajaan ataupun revenue Kerajaan. Tidakkah kita seharusnya berasa bimbang sepertimana yang saya nyatakan bahawa sebenarnya peruntukan ataupun pembayaran daripada penuntut-penuntut memang tidak mencukupi untuk mengendalikan peperiksaan-peperiksaan di dalam negara kita. Jadi tidakkah timbul sepertimana dakwaan Ahli Yang Berhormat itu kemungkinan duit yang kita terima daripada penuntut-penuntut didapati balik oleh Kerajaan tanpa dibiayai untuk

mengendalikan peperiksaan-peperiksaan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan sebenarnya kita menubuhkan Tabung Amanah yang baru ini ialah supaya Kerajaan dapat menjalankan pengendalian pentadbiran dan pengendalian peperiksaan-peperiksaan di dalam negara kita ini dengan cara yang lebih kemas dan dengan cara yang lebih tersusun lagi. Saya suka menjelaskan bahawa dengan wujudnya sebuah Tabung Amanah ini maka akan memberi kelonggaran (flexibility) kepada Lembaga Peperiksaan yang akan mengendalikan Tabung Amanah ini untuk mengeluarkan sebarang peruntukan bagi perbelanjaan-perbelanjaan yang dirasakan perlu, tidak payah Lembaga Peperiksaan buat submission kepada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan kelulusan kerana dengan wujudnya Tabung Amanah ini maka Lembaga Peperiksaan akan mempunyai kuasa yang sepenuhnya untuk mengendalikan peruntukan itu mengikut apa yang difikirkan patut.

Tuan Yang di-Pertua, flexibility ini sangat penting kerana dalam hendak menguruskan peperiksaan-peperiksaan di dalam negara kita yang begitu besar, terutama sekali kawasan-kawasan pendalaman, ceruk rantau negara kita ini, umpamanya, di dalam negeri Sarawak kena sewa helikopter, kena sewa bot dan sebagainya, jadi perbelanjaan secara serta-merta terpaksa dibuat oleh pihak Lembaga Peperiksaan. Jadi, Kerajaan memikirkan kalaulah Lembaga Peperiksaan terpaksa merujuk setiap kali permintaan hendak dibuat untuk membuat sekian-sekian banyak perbelanjaan kepada pihak Kerajaan ini akan melambatkan pentadbiran peperiksaan yang mana sangat penting bagi kita menepati jadual oleh kerana peperiksaan itu terpaksa dijalankan secara serentak di seluruh negara kita. Jadi bila adanya Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan ini tidak lagi wujud 11 akaun atau 12 akaun sepertimana wujud pada masa ini. Lembaga Peperiksaan sendiri akan mengendalikan satu akaun dan bila dikendalikan satu akaun sahaja tidaklah akan timbul masalah sepertimana yang sedang kita hadapi untuk kita konsolidasikan akaun-akaun yang begitu banyak sekali. Jadi saya percaya bahawa langkah untuk menubuhkan Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan ini adalah merupakan satu langkah ke arah kita

mewujudkan sebuah pentadbiran yang lebih licin, lebih kemas dan lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh tentang Peperiksaan Penilaian Darjah V dan juga Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang mana didakwakan ada banyak kesilapan dalam menyediakan soalan-soalan dalam peperiksaan tersebut. Sepertimana kes Pengawas Peperiksaan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah begitu buruk sepertimana yang didakwakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya rasa tidak perlu saya mengulas panjang lebar tentang perkara ini kerana secara kebetulan ada soalan di dalam sidang ini berhubung dengan apa yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, mana yang saya tidak dapat mengulas dalam jawapan saya, saya akan kemukakan perkara-perkara tersebut kepada Kementerian Pelajaran, iaitu Kementerian yang bertanggungjawab untuk mengendalikan Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan ini dan saya percaya teguran-teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan mendapat pertimbangan sewajarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya satu usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen-kecil (4) (a) Seksyen 10 di dalam Akta Acara Kewangan 1957, membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru seperti berikut:

Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen-kecil (4) (a) Seksyen 10 di dalam Akta Acara Kewangan 1957, membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru seperti berikut:

Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KEISTIMEWAAN DIPLOMATIK (KONVENSYEN VIENNA) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.05 ptg.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada 19hb Ogos, 1981 Kerajaan Malaysia telah membuat keputusan memberi taraf diplomatik penuh kepada Pertubuhan Pembebasan Palestine atau ringkasnya "PLO" di Kuala Lumpur. Oleh kerana PLO pada masa ini belum lagi mencapai taraf kenegaraan penuh dengan erti kata ia belum lagi mempunyai wilayah kenegaraan maka Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 tidak boleh dipakai untuk PLO. Ini bermakna untuk melaksanakan keputusan Kerajaan mengurniakan taraf diplomatik penuh kepada PLO itu maka Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 yang berkuatkuasa sekarang perlulah dipinda. Untuk tujuan ini adalah dicadangkan agar Akta itu dipinda dengan memasukkan satu seksyen baru, iaitu seksyen 3A yang berbunyi, dengan izin:

"3A. The provision of this Act shall, to such extent and with such modifications as the Yang di-Pertuan Agong may deem necessary, apply in respect of such body or political entity as he may by order published in the Gazette specify."

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peruntukan seksyen 3A yang baru ini Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bolehlah mengeluarkan satu perintah memperuntukkan supaya Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 itu dipakai bagi badan atau political entity tertentu seperti PLO. Sungguhpun rakyat Palestine belum lagi

mencapai hak-hak asasi dan kenegaraan mereka namun PLO adalah diakui oleh sebilangan besar rakyat Palestine sebagai wakil tunggal bagi menyuarakan aspirasi politik dan kebangsaan mereka, tambahan pula Pertubuhan PLO yang tertubuhnya dalam tahun 1964 itu telah lama mencapai taraf personality antarabangnya yang tersendiri. PLO bukan sahaja diiktiraf oleh lebih daripada 2/3 keanggotaan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai wakil sah dan tunggal rakyat Palestine bahkan ianya mempunyai wakil dan pejabatnya di lebih daripada 70 buah negara, di antaranya dengan mempunyai taraf diplomatik penuh. Di samping mendapat taraf Pemerhati Tetap di Bangsa-bangsa Bersatu, PLO juga diterima sebagai Ahli Tetap oleh beberapa pertubuhan antarabangsa seperti Pergerakan Negara-negara Berkecuali, Pertubuhan Persidangan Islam, Liga Arab dan Kumpulan 77. PLO juga telah dipilih sebagai Pengerusi Liga Arab untuk tempoh masa September, 1980 hingga Mac, 1981 dan sebagai Pengerusi pihak Arab di dalam dialog Arab-Eropah dalam tempoh masa yang sama. Pemberian taraf Pemerhati kepada PLO oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan lain-lain persidangan di bawah anjuran Bangsa-bangsa Bersatu merupakan satu manifestasi yang paling jelas tentang taraf kedudukan antarabangsa atau dengan izin, International Legal Standing PLO. Inilah satu cara yang praktik untuk membawa rakyat dan wilayah yang belum mencapai taraf kenegaraan mutlak atau statehood ke dalam lingkungan Bangsa-bangsa Bersatu.

Mulai tahun 1974, Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu telah membenarkan wakil PLO di Bangsa-bangsa Bersatu untuk bercakap sebagai hak menjawab atau, dengan izin, in exercise of the right of reply di sesi-sesinya. Ini adalah satu hak yang hanya dikurniakan kepada Anggota-anggota Tetap Bangsa-bangsa Bersatu.

Dalam tahun 1979 wakil PLO telah juga dibenarkan mengambil bahagian di dalam Mesyuarat Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Security Council) dengan mempunyai hak-hak yang sama seperti anggota-anggota Bangsa-bangsa Bersatu yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah lama mengiktiraf PLO sebagai wakil sah dan tunggal rakyat Palestine. Pada 26hb April, 1969 kita telah membenarkan Al-Fatah membukakan pejabatnya di Kuala Lumpur dan semenjak 8hb Jun, 1974 Pejabat Al-Fatah telah dinaikkan tarafnya menjadi Pejabat PLO.

Tuan Yang di-Pertua, sokongan Malaysia terhadap perjuangan kemanusiaan dan nasional rakyat Palestine adalah berdasarkan pendirian kita berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan Undang-undang Antarabangsa iaitu prinsip hak-hak asasi sesuatu rakyat di wilayah untuk menentukan nasib nasionalnya sendiri. Prinsip ini telah diterangkan dengan jelasnya di bawah Piagam Bangsa-bangsa Bersatu seperti berikut. Di bawah Bab Pertama satu daripada tujuan Bangsa-bangsa Bersatu ialah, dengan izin:

“To develop friendly relations among nations based on the respect for the principle of equal rights and self-determination of the people.”

Bab ke-11 mengandungi perisytiharan mengenai, dengan izin:

“Non-self-governing territories to take due account of the political aspirations of the people and to assist them in the progressive development of their political institutions.”

Dan Bab ke-12 memperuntukkan supaya dipertingkatkan, dengan izin:

“Progressive development towards self-determination or independence as may be appropriate to the particular circumstances of each territory and its people and the freely-expressed wishes of the people concerned.”

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia percaya bahawa perjuangan sesuatu rakyat dan wilayah untuk mencapai kemerdekaan dan kedaulatan merupakan satu proses yang berterusan dan kita sedar bahawa di ketika ini ada lagi rakyat dan wilayah yang belum lagi menikmati hak asasi untuk menentukan nasib mereka sendiri antaranya ialah rakyat Palestine.

Keputusan Kerajaan Malaysia memberi taraf diplomatik penuh kepada PLO sudah tentu akan merupakan satu sumbangan positif ke arah peningkatan kewibawaan dan tanggungjawab PLO sebagai wakil sah dan tunggal rakyat Palestine. Kita berharap keputusan ini akan membantu PLO mendapatkan pengiktirafan antarabangsa seluas-luasnya dan seterusnya membantu PLO mencapai matlamatnya untuk menubuhkan sebuah negara Palestine yang merdeka dan berdaulat. Kita yakin penuh sebuah negara Palestine sudah tentu akan merupakan satu sumbangan yang positif ke arah keamanan dan kestabilan Asia Barat khususnya dan seluruh dunia amnya. Ini adalah kerana pergolakan politik di Timur Tengah akan berterusan selagi rakyat Palestine tidak memperolehi apa yang diperjuangkan iaitu mendapatkan kembali tanahair dan hak-hak asasi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timblan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 dibacakan kali kedua dan sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Baling.

4.16 ptg.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan menyokong pindaan kepada Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 ini dan bersetuju bahawa kita sepatutnya memberi suatu layanan yang sama sebagai layanan kepada sebuah negara kepada wakil PLO dan memberikan suatu taraf diplomatik yang sama seperti negara-negara yang ada hubungan dengan kita.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Sepatutnya taraf ini sudah lama ditingkatkan memandangkan sokongan kita kepada perjuangan umat Arab umumnya dan rakyat

Palestine khususnya merupakan suatu sokongan yang telah lama dan kita mempunyai hubungan yang rapat dengan mereka dan apa yang berlaku di dalam sejarah perjuangan umat Arab dan juga rakyat Palestine dirasakan oleh rakyat negara kita dari awal-awal lagi. Bagaimanapun saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana membuat pindaan yang demikian dan ini merupakan suatu sumbangan yang penting kepada perjuangan rakyat Palestine khususnya. Walaupun saya yakin bahawa Kerajaan kita boleh mengambil langkah-langkah dan sokongan-sokongan yang lebih positif dan lebih luas lagi kepada perjuangan rakyat Palestine yang diwakili oleh PLO.

Sokongan-sokongan yang diberikan oleh negara kita kepada perjuangan umat Palestine adalah berasaskan juga kepada keadilan dan kepada hak umat Palestine dan berasaskan juga kepada penentangan terhadap tindakan-tindakan yang zalim, penentangan terhadap penindasan-penindasan dan juga penentangan terhadap perampasan-perampasan hak umat Arab dan umat Palestine oleh kuasa-kuasa Zionists yang kejam yang tidak mahu mempelajari daripada sejarah mengenai kekejaman yang menimpa mereka dan kekejaman yang telah menimpa bangsa mereka telah dijadikan sebagai suatu pembalasan dendam ke atas rakyat dan umat Palestine yang langsung tidak kena mengena dengan penderitaan-penderitaan yang dialami oleh umat Yahudi di masa-masa yang lalu.

Sepatutnya gerakan Zionists Antarabangsa dapat menimbulkan keinsafan ke atas diri mereka sendiri, bahawa kekejaman membawa penderitaan yang dahsyat dan kerana itu patut menginsafkan diri mereka bahawa tidak seharusnya kekejaman dilakukan oleh umat manusia, tetapi sebaliknya gerakan Zionists Antarabangsa telah mengambil sikap dan tidak mahu mempelajari daripada sejarah itu, sebaliknya melakukan kekejaman yang pernah dialami oleh mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, PLO ataupun selepas daripada kekalahan umat Arab dalam tahun 1967, Gerakan Pembebasan Palestine ini telah mencapai suatu peringkat yang baru yang lebih berkesan di dalam tindakan-tindakan mereka bagi menentang kekejaman Kerajaan

dan pemerintah Israel dan mereka berjaya menyatukan tenaga mereka bagi mencapai cita-cita perjuangan mereka yang sah dan adil. Saya yakin dan percaya bahawa perjuangan mereka itu akhirnya akan mencapai kejayaan dan masa selama lebih 30 tahun mereka berada di dalam cengkaman Israel itu pada satu masa sudah tentu akan mencapai kejayaan, kerana bagi setengah-setengah negara, mereka terpaksa menghadapi zaman penjajahan beratus-ratus tahun lamanya dan dengan adanya sokongan daripada negara-negara Arab, negara-negara Islam dan juga negara-negara yang cintakan keadilan dan kedamaian, saya yakin dan percaya bahawa umat dan rakyat Palestine akan mencapai kejayaan mereka.

Kita juga haruslah menyedari tentang peranan negara-negara Arab dan negara-negara Islam di dalam membantu perjuangan umat Palestine ini di dalam perjuangan mereka yang sah dan adil, walaupun terhadap berbagai-bagai keadaan yang negatif yang menjadi bahan-bahan kritik setengah-setengah kalangan terhadap sikap dan juga peranan negara-negara Arab di dalam membantu perjuangan umat Palestine, tetapi kritik-kritik dan juga teguran-teguran itu haruslah juga berasaskan kepada pertimbangan mana berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Walau bagaimanapun, kita mengharapkan bahawa umat Arab dan juga negara-negara Islam dapat menyatukan haluan mereka, dapat memperbaiki prestasi perpaduan mereka iaitu berasaskan kepada perasaan mereka yang tulen dan berasaskan kepada pegangan mereka yang sesungguhnya iaitu kepada Islam dan kepada ugama Islam sehingga mereka menjadi satu tenaga yang besar yang disegani oleh golongan-golongan yang cuba hendak melakukan kezaliman dan penganiayaan terhadap mana-mana golongan di dalam dunia ini, kerana asas inilah satu asas yang teguh, satu asas yang kukuh untuk mereka mencapai kepada tujuan dan matlamat bagi menegakkan kebenaran, keadilan dan juga perdamaian dunia. Mereka sudah tentu akan dapat memberi sumbangan yang besar kepada kemanusiaan jika sekiranya mereka mengasaskan perjuangan mereka, mengasaskan sistem pemerintahan negara mereka kepada asas yang benar ini dan

kepada sistem Islam yang merupakan suatu sistem hidup yang menyeluruh, tetapi oleh kerana sejarah umat Islam dan sejarah umat Arab yang begitu rupa menyebabkan mereka berselisih pendapat dan mereka mengimport ideologi-ideologi yang lain bagi menggantikan apa yang ada pada mereka yang pada hakikatnya adalah lebih baik daripada ideologi-ideologi dan fahaman-fahaman yang diimport daripada luar. Dan kerana adanya berbagai-bagai ideologi dan latar belakang sejarah yang berbeza menyebabkan mereka ini menghadapi suatu keadaan yang menyulitkan diri mereka sendiri.

Saya yakin dan percaya bahawa dengan adanya kesedaran keselamatan yang lebih di dalam masyarakat di negara-negara Arab dan juga di negara-negara Islam, maka mereka akan dapat menyatukan tenaga mereka bagi menghadapi perjuangan bagi menebuskan kekalahan mereka dan kecemasan yang berlaku ke atas kehormatan mereka.

Di samping itu kita sudah tentu mengajak semua negara-negara yang cintakan keadilan dan kedamaian supaya memberi sokongan yang tulus ikhlas kepada perjuangan umat Palestine ini demi menjaga keamanan dunia, kerana masalah ini sepertimana yang dikatakan oleh Menteri yang berkenaan tadi bahawa masalah krisis di Timur Tengah itu tidak akan dapat diredakan melainkan setelah selesainya masalah Palestine. Walau bagaimanapun, kita ketahui bahawa terdapat lagi banyak negara-negara terutamanya kuasa-kuasa besar yang memainkan peranan untuk meneruskan krisis dan untuk meneruskan keadaan yang ada bagi menjaga kepentingan-kepentingan mereka dan kuasa-kuasa besar ini memainkan peranan yang kita lihat bahawa di antaranya kita lihat tanda-tanda ketidak-jujuran mereka untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Amerika Syarikat misalnya akan dapat memberikan peranan yang positif bagi menyelesaikan masalah itu, sebaliknya mereka lebih mementingkan soal pengaruh mereka di negara-negara tersebut lebih daripada menjaga keamanan dunia. Di sini kita dapati bahawa ia menjalankan berbagai-bagai cara untuk mengkhianati perjuangan umat Palestine dan telah memesongkan beberapa kalangan daripada beberapa

pimpinan umat Arab seperti pemimpin-pemimpin di Mesir yang walaupun kita lihat pada zahirnya ia menuju ke arah keamanan tetapi merupakan suatu penggadaian yang tidak akan dapat diterima oleh majoriti rakyat dan majoriti umat Islam serta umat Arab.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, sila duduk dahulu! Memanglah saya beri kelonggaran kepada Ahli Yang Berhormat untuk berucap berkenaan dengan soal meminda Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna), 1966 berkaitan dengan PLO tetapi hendak menyentuh sampai kepada dasar Kerajaan Mesir itu sudah jauh sedikit daripada tajuk asal. Kalau boleh Ahli Yang Berhormat balik ke pangkal jalan, teruskan kepada perbahasan berkenaan pindaan Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna), 1966.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini adalah kaitan kerana asas kepada pengiktirafan ini ialah mengenai kedudukan PLO di kalangan masyarakat antarabangsa dan jika sekiranya kedudukan PLO itu sepertimana yang dikatakan oleh Menteri berkenaan tadi hanya merupakan suatu perjuangan yang tidak berkesan di peringkat tempatan sahaja mungkin Kerajaan tidak menghiraukan masalah itu. Jadi oleh yang demikian saya menimbulkan perkara-perkara demi menunjukkan bahawa masalah yang dihadapi oleh umat Pelastin itu merupakan suatu peranan yang melibatkan dunia antarabangsa dan melibatkan soal nurani kemanusiaan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sesungguhnya tidaklah bercadang untuk bercakap dengan panjang lebar mengenai masalah ini dan apa yang saya sentuhkan tadi ialah kita lihat bagaimana konspirasi yang dilakukan oleh kuasa-kuasa besar untuk menghalang perdamaian yang sebenarnya bagi kawasan dan daerah itu dan lagi sekali saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah memberi pengiktirafan yang sesungguhnya kepada pihak PLO supaya mereka dapat meningkatkan lagi perjuangan mereka bagi membebaskan negara mereka daripada cengkaman dan juga keganasan zionism antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kemaman.

4.32 *ptg.*

**Tuan Ismail bin Said (Kemaman):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama menyokong Rang Undang-undang pindaan yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Pemangku Menteri Luar Negeri tadi pindaan ini ialah bertujuan untuk membolehkan Yang di-Pertuan Agong membuat satu perintah memperuntukkan supaya Akta ini dipakai bagi badan atau entiti politik tertentu dan sudah barang tentu sebagaimana yang dinyatakan oleh beliau tadi bahawa badan ataupun entiti politik yang dimaksudkan ini ialah PLO ataupun (Pertubuhan Pembebasan Orang-orang Palestin) dan bukan itu sahaja Kerajaan kita telah memberi suatu status diplomatik yang penuh kepada pertubuhan ini dan membenarkan mereka membuka sebuah pejabat di negara kita. Langkah ini amatlah dialu-alukan, satu langkah yang berani dan kena pada masanya oleh kerana memandangkan PLO ini sebagai wakil yang sah dan tunggal bagi rakyat Palestin sedang memperjuangkan suatu kepentingan bersama bagi negara-negara Islam iaitu bagi membebaskan tanah dan rakyat Palestin dari belunggu serta cengkaman penjajahan secara moden yang dilakukan oleh Israel. Tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh PLO ini adalah maha berat sekali, negara kita hendaklah memberi sokongan yang terus-menerus kepada perjuangan PLO ini sehingga tanah Palestin dapat dibebaskan. Penaklukan yang dilakukan oleh zionisma Israel ini hendaklah kita kutuk dengan sehebat-kuatnya, dengan sekeras-kerasnya malahan masyarakat antarabangsa mesti juga turut sama mengutuk perbuatan Israel ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesan penaklukan yang dibuat oleh Israel ini amatlah memilukan hati keseluruhan umat Islam yang terdapat dalam dunia ini. Peristiwa Baitul-muqaddis misalnya adalah merupakan satu

tragedi yang tidak dapat dilupakan dan ianya menjadi satu tamparan yang hebat kepada umat-umat Islam keseluruhannya serta menjadi satu peristiwa hitam dalam sejarah perjuangan Islam. Perbuatan Israel ini terang-terang bercanggah dengan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu tidak menghormati hak asasi manusia. Resolusi demi resolusi dibuat di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada tiap-tiap tahun mengutuk perbuatan Israel ini, tetapi malangnya ia tidak memberi apa-apa kesan sedikit pun kepada Israel. Israel tetap berdegil malahan ia bertindak lebih jauh dan lebih ganas lagi dari itu. Misalnya Israel sengaja melanggar resolusi UNESCO, satu badan yang ditubuhkan di bawah Bangsa-bangsa Bersatu yang menetapkan supaya Israel berhenti dari menggali dan meroboh Baitul-muqaddis, tetapi Israel tidak mengindahkan langsung ketetapan ini, ia masih meneruskan rancangan mereka yang terkutuk dan perbuatan mereka ini sudah barang tentu akan mengancam dengan serius warisan sejarah dan kebudayaan bandar tersebut. Langkah-langkah Kerajaan kita memberikan status diplomatik kepada PLO ini hendaklah menjadi satu contoh dan membuka mata Amerika Syarikat dan negara-negara yang menyokong Israel dari belakang sama ada secara langsung ataupun tidak, bahawa penaklukan secara kekerasan di zaman moden ini adalah dikutuk dengan sekeras-kerasnya oleh sebahagian besar dunia yang cintakan kedamaian, kemakmuran, kemerdekaan, dunia yang menghormati hak asasi manusia serta menghormati prinsip-prinsip self-determination dan inalienable rights.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha kita terhadap PLO ini hendaklah bukan setakat ini sahaja, bukanlah setakat memberi status diplomatik sahaja malahan mestilah lebih daripada itu. Misalnya untuk memberi kesedaran yang lebih lagi kepada negara-negara yang menyokong Israel ini Kerajaan kita hendaklah memainkan peranan yang positif lagi dan berusaha mencari jalan untuk mempengaruhi negara-negara lain, mengiktirafkan kewujudan PLO serta memberi status yang sama kepada pertubuhan ini sebagaimana yang dilakukan oleh Malaysia kita.

Negara kita misalnya melalui Persatuan Negara-negara Islam hendaklah memainkan peranan yang utama supaya taraf pemerhati tetap PLO ini mendapat undi yang bertambah dari semasa ke semasa di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada tiap-tiap tahun dan dengan hal yang demikian mungkin Amerika Syarikat dan negara-negara lain yang tertentu akan berfikir dua kali sebelum memberi sokongan kepada Israel ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua sedia maklum bahawa satu lagi kesan penaklukan yang dibuat oleh Israel ini terhadap tanah Palestine ialah wujudnya orang-orang pelarian Arab-Palentine. Oleh kerana mereka ini ditindas, diugut dan disiksa oleh Israel mereka terpaksa meninggalkan kampung halaman serta harta benda mereka mencari tempat yang lebih selamat untuk mendapatkan perlindungan. Penderitaan yang dialami oleh mereka ini bukan sahaja dikutuk tetapi kita mestilah turut bersama-sama simpati. Oleh yang demikian sukacita saya mencadangkan di sini agar Kerajaan kita memberi sumbangan secara langsung dengan cara menubuhkan satu tabung khas untuk membantu mereka ini agar penderitaan yang dialami dapat diringankan dan juga sumbangan kita kepada tabung orang-orang pelarian yang ditubuhkan di bawah Bangsa-bangsa Bersatu iaitu UNHCR hendaklah kita lipatgandakan dari setahun ke setahun.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali saya ingin menyatakan di sini ialah di dalam memberi beberapa keistimewaan yang tertentu kepada diplomat-diplomat asing hendaklah kita sentiasa berhati-hati agar mereka ini tidak menyalahgunakan keistimewaan-keistimewaan yang diperolehi oleh mereka ini. Kita hendaklah sentiasa berjaga-jaga supaya segala rahsia Kerajaan tidak jatuh ke tangan mereka. Kita juga hendaklah sentiasa berwaspada agar kakitangan dan rakyat negara kita ini tidak dijadikan sebagai alat untuk mencungkil rahsia Kerajaan kita dan hendaknya kalau boleh peristiwa KGB dan Siddiq Ghouse itu hendaklah jangan berulang lagi.

Sekianlah sahaja. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Petaling.

4.43 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Petaling):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan terhadap Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) tahun 1966 yang akan memberi peruntukan di mana Yang di-Pertuan Agung atau Kerajaan akan boleh membuat satu perintah memperuntukkan supaya satu badan satu political entity boleh diberi taraf diplomatik. Dan mengikut Yang Berhormat Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang ini tujuannya ialah untuk boleh memberi taraf diplomatik sepenuhnya kepada PLO.

Langkah ini oleh negara Malaysia sebenarnya sudah sangat terkebelakang daripada banyak negara-negara dalam dunia di mana ada banyak negara sudah memberi taraf diplomatik yang sepenuhnya kepada PLO dan menyokong perjuangan rakyat Palestine untuk berjuang dan memulihkan hak-hak nasional mereka di Palestine dan sungguhpun begitu lewat, as the English saying goes, "better late than never". Sungguhpun kita dipihak DAP ada pernah mendesak Kerajaan bahawa patutlah memberi taraf diplomatik yang sepenuhnya kepada PLO bukan sahaja bahawa banyak negara ada memberi taraf diplomatik yang sepenuhnya kepada PLO bukan sahaja bahawa banyak negara ada memberi taraf semacam ini kepada PLO tetapi pun badan-badan antarabangsa ada memberi taraf yang sama baikpun Bangsa-bangsa Bersatu di mana PLO ada menikmati pengiktirafan *de facto* (*de facto* recognition) dan sebagaimana Yang Berhormat Menteri ada sebut wakil-wakil daripada PLO boleh ambil bahagian dalam perbahasan perjalanan Bangsa-bangsa Bersatu General Assembly atau Majlis Keselamatan semacam satu negara yang bebas dan tentulah rakyat Malaysia dan negara Malaysia tidak boleh terkebelakang daripada lain-lain negara dalam perjuangan untuk menyokong hak-hak self-determination

rakyat Palestine dan dengan itu bagi pihak DAP kita memberi sokongan kepada pindaan-pindaan ini.

Saya harap bahawa Kerajaan kita pun boleh lebih aktif dan lebih positif daripada lain-lain bidang dalam memberi sokongan terhadap perjuangan PLO oleh kerana ini satu perjuangan yang patutlah mendapat semua pertolongan yang kita boleh beri. Di sini saya cadangkan bahawa untuk menunjukkan sebagai satu tanda sokongan kita dalam perjuangan PLO bahawa Kerajaan kita selepas memberi taraf diplomatik sepenuhnya kepada PLO dengan kelulusan pindaan-pindaan kepada Akta Keistimewaan Diplomatik ini, bahawa Kerajaan kita dengan rasminya mengundang pemimpin PLO, Yasser Arafat untuk membuat satu lawatan yang rasmi ke negara kita dan ini tentulah pun boleh memberi peluang kepada negara kita untuk menunjukkan sokongan kita dalam perjuangan PLO.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan kepada Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) bukan sahaja badan semacam PLO boleh diberi taraf diplomatik tetapi lain-lain badan atau political entity pun boleh diberi taraf semacam negara yang berdaulat yang merdeka dan saya rasa Malaysia ada tanggungjawab dalam perhubungan antarabangsa untuk ambil bahagian yang lebih aktif untuk menyokong perjuangan-perjuangan rakyat yang ditindas untuk membebaskan mereka daripada semua jenis oppression baikpun apa-apa jenis imperialisma yang baru. Dekat negara kita, kita ada dua contoh yang baik iaitu Afghanistan dan Kampuchea yang mana baru-baru ini ada berlaku tindakan mencabuli kedaulatan rakyat dan negara-negara mereka dalam Afghanistan dan di Kampuchea di mana Kerajaan-kerajaan yang sah ada ditunggang oleh kuasa-kuasa daripada luar khususnya diilhamkan oleh Soviet Union dan baru-baru ini di Singapura ada satu conference di mana Kerajaan kita pun ada ambil bahagian untuk sponsored conference ketiga-tiga forces dalam resistance rakyat Kampuchea terhadap penentangan Kerajaan boneka (puppet) Kerajaan Kampuchea/Soviet Union dan mungkinlah di antara langkah-langkah Wisma Putra atau Kerajaan kita boleh timbang dengan pindaan semacam ini ialah

memberi sokongan terhadap perjuangan-perjuangan rakyat Kampuchea untuk membebaskan mereka daripada kuasa-kuasa imperialist yang baru daripada Moscow ialah untuk memberi taraf diplomatik kepada mereka sebagai satu badan yang boleh dapat diterima dan diiktiraf sebagai badan yang boleh mewakili perjuangan rakyat di Kampuchea, yang baik sekarang ialah ketiga-tiga kuasa boleh bersetuju mengadakan satu Kerajaan campuran, Kerajaan campuran yang exile. Di antara tindakan-tindakan yang kita boleh memberi pertolongan ialah untuk memberi sokongan terhadap mereka semacam memberi taraf diplomatik kepada mereka di tanahair kita dan begitupun dalam Afghanistan di mana patriot-patriot di Afghanistan yang sekarang dalam perjuangan mengorbankan nyawa untuk menghalau Kerajaan boneka Afghanistan yang diletak oleh Soviet Union pun patutlah boleh dapat pertolongan dan pengiktirafan mendapat keistimewaan-keistimewaan semacam ini oleh kerana sungguhpun langkah-langkah dan usaha-usaha ini bukan sebenarnya sumbangan yang sangat besar terhadap perjuangan mereka tetapi ini adalah di antara langkah-langkah di mana kita boleh buat sebagai satu sumbangan kita kepada perjuangan-perjuangan mereka.

Tetapi tentulah kitapun patut sangat berjaga-jaga dalam memberi pengiktirafan taraf diplomatik sepenuhnya kepada entiti-entiti politik oleh kerana kitapun tahu bahawa di masa sekarang dalam dunia banyak entiti-entiti politik dan oleh kerana ini boleh buka satu Pandora's box maka berjaga-jaga apabila timbang mengenai memberi pengiktirafan taraf diplomatik kepada entiti-entiti politik. Saya rasa tentulah di antara perkara yang patut ditimbang oleh Kerajaan kita ialah entiti-entiti semacam PULO (Patani United Liberation Organization) atau MORO; semua ini sangat perlu pertimbangan di mana Kerajaan kita janganlah membuat precedent yang boleh merosakkan hubungan-hubungan khususnya dengan negara-negara jiran kita di dalam ASEAN dan sebaliknya kita perlu mengatakan pendirian yang sangat tegas untuk menunjukkan bahawa negara kita tidaklah memberi apa-apa bantuan, galakan atau lain-lain kepada gerakan-gerakan semacam PULO, semacam MORO supaya

perhubungan kita di dalam ASEAN tidak dirosakkan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Balik Pulau.

4.52 ptg.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk memberi sokongan yang kuat kepada Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1981 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua sambil itu sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah memberi taraf diplomatik penuh kepada pertubuhan PLO.

Ada pendapat yang menyatakan bahawa sokongan kuat Kerajaan Malaysia kepada pertubuhan PLO ini kerana pertalian agama. Memang, salah satu sebabnya adalah pertalian agama kerana negeri yang dituntut oleh orang-orang Palestine ini adalah di mana terletaknya rumah ibadat kita yang ketiga dalam Islam iaitu Masjidil Al-Aqsa yang hari ini kita dapat tahu dari laporan-laporan sedang cuba dibinasakan oleh pihak Yahudi dan mereka ingin membangunkan satu bangunan orang-orang Yahudi sendiri di tempat terdirinya Masjidil Al-Aqsa ini dan dengan ini tambah-tambah lagi pihak kita patut membantu daripada segi sokongan moral ataupun material kepada pertubuhan PLO ini dan yang paling terasa sukacita pada petang ini kerana rakan saya dari Baling telah memuji-muji langkah Kerajaan kita ini. Selalu kita dengar rakan kita dari Baling iaitu dari pihak pembangkang ini apa sahaja dibuat oleh pihak Kerajaan tidak ada yang betul, tetapi petang ini kita dengar pujian itu. Saya ucap syabas dan patut beliau membuka mata kepada lain-lain tindakan Kerajaan kita yang betul yang selama ini sengaja diputar-belitkan oleh pihak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sokongan moral, kalau saya tidak silap, pihak Kerajaan kita juga telah menganjurkan sokongan material iaitu merupakan pungutan wang. Saya tidak ingat berapa jumlah wang

yang telah kita berikan ataupun kita derma kepada perjuangan PLO ini. Yang sebenarnya, wang yang didermakan oleh rakyat Malaysia itu bukanlah memberi erti yang besar kepada perjuangan PLO. Wang yang kita dermakan itu bolehlah dikatakan macam membuang garam ke dalam laut sahaja jika dibandingkan kewangan yang dipunyai oleh negara-negara Arab yang mereka boleh membantu million dollars. Tetapi ini hendak membuktikan kepada rakyat Palestine bahawa walaupun kita di Malaysia ini tidak mempunyai wang yang begitu banyak tetapi kita sanggup memberi sokongan moral dan material kepada perjuangan orang-orang Palestine untuk mengembalikan negara mereka kepada tangan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai PLO melawan orang-orang Yahudi ini, sebenarnya kalau kita tengok dan kita tinjau dan kita kaji PLO ini tidaklah menentang orang-orang Yahudi, sebenarnya mereka ini menentang satu kuasa yang sangat besar hari ini. Kuasa di balik Yahudi ini ialah satu kuasa besar iaitu Amerika Syarikat sendiri yang memberi bantuan yang tidak terhad kepada orang-orang Yahudi, apa juga bantuan yang dikehendakki oleh orang-orang Yahudi sama ada wang, peralatan peperangan dan sebagainya dibantu terus-menerus seolah-olah negeri Yahudi ini adalah salah satu unit negeri dalam Amerika Syarikat. Begitu kuatnya bantuan yang telah diberikan oleh pihak kuasa besar Amerika ini kepada orang-orang Yahudi. Orang-orang Palestine bukan melawan orang-orang Yahudi, mereka melawan satu kuasa yang besar. Jadi, jika ada orang-orang yang cuba memperbodoh-bodohkan ataupun melemah-lemahkan perjuangan orang-orang Palestine ataupun orang-orang Arab yang menyatakan jumlah orang-orang Arab lebih ramai daripada orang Yahudi, tetapi orang Arab tidak dapat mengalah orang Yahudi yang tiga juta itu yang sebenarnya bukan begitu. Mereka melawan satu kuasa besar. Jadi dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya kata dari mula tadi bahawa sokongan Malaysia kepada PLO ini bukan terhad kepada hubungan agama sahaja tetapi adalah dalam satu konteks yang lebih besar, kerana Malaysia sebuah negara kecil tidak mahu diperbudak-budakkan oleh

negara-negara besar seperti yang telah berlaku kepada negara-negara Arab dan di negara Palestine itu sendiri.

Kita mesti menunjukkan penentangan kita yang keras terhadap perbuatan membuli atau mempermainkan negara kecil oleh negara-negara besar. Ini yang pokok. Ini yang mesti kita tegaskan kepada negara-negara atau kuasa-kuasa besar bahawa kita tidak rela bahawa dunia hari ini tidak rela lagi dengan siapa kuat siapa jadi raja.

Dasar ini kita tidak suka lagi. Ditubuhkan Bangsa-bangsa Bersatu itu adalah bertujuan supaya semua negara dalam dunia ini tidak kira apa ideologinya boleh hidup dengan kerelaannya sendiri, jangan diganggu-gugat oleh negara-negara lain. Ini pokok yang besar yang kita menyokong PLO ini dan memberi tarafnya taraf diplomatik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya fikir patut Kerajaan kita mengkaji sama ada elok atau tidak kita menawarkan kepada Pertubuhan Pembebasan Palestine ini latihan-latihan tentera, bagaimana hendak mereka ini berjuang melawan orang-orang Yahudi yang kita nampak sekarang ini begitu mengganas, kalau kita sifatkan di sini sebagai samsing dalam dunia ini. Mereka boleh buat apa sahaja yang mereka suka. Mereka boleh megebom reaktor neuklier di Iraq. Mereka boleh menjahanamkan pejabat PLO di Lebanon pada bila-bila masa dan perbuatan mereka ini dapat diselindung dan dapat ditutup oleh syarikat-syarikat berita yang dikuasai oleh orang-orang Yahudi. Maka itu saya fikir patut Kerajaan mengkaji sama ada perlu atau tidak pada masa ini sama ada sudah sampai ketikanya Kerajaan kita menawarkan latihan-latihan tentera kerana kita faham dan kita yakin taraf tentera kita sudah mencapai pada satu tahap yang begitu baik di kalangan tentera-tentera dalam kawasan Asia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sambil itu patut juga kita memberi pandangan kepada pihak Palestin oleh sebab mereka ini ditentang oleh satu kuasa besar sekarang mereka sudah berjinak-jinak bahkan boleh dikatakan sudah masuk ke dalam perangkap lagi satu kuasa besar iaitu Russia. Dan kedua-dua kuasa besar ini bukan sebenarnya hendak menolong

negara-negara kecil, mereka cuma mengumpukan negara-negara kecil ini untuk faedah mereka yang lebih besar. Kita patut memberitahu kepada PLO atau memberi pandangan bahawa perbuatan mereka terlalu dekat, terlalu rapat dengan pihak lagi satu kuasa besar ini, bolehlah kita umpamakan seperti perpatih Melayu "Lari dari mulut harimau, masuk ke mulut buaya", ini yang kita bimbang. Apa yang kita bimbang harus kemungkinan seluruh dunia Arab ini dapat ditawan oleh pihak gergasi yang lagi satu, ini patut kita beri pandangan dan beri amaran kepada pihak PLO dan negara-negara Arab.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga suka menyentuh tentang pegawai-pegawai diplomat negara-negara asing yang berada dalam negara kita ini terutama diplomat-diplomat yang datang dari kuasa-kuasa besar. Kalau kita membaca kesah-kesah perisik yang berlaku dalam dunia sekarang ini kebanyakan pegawai-pegawai diplomat negara kuasa-kuasa besar ini terdiri daripada Ahli-ahli perisik, yang dipilih daripada ahli-ahli perisik ini dilantik sebagai diplomat. Sudah banyak kejadian, sudah banyak kes-kes dalam dunia berlaku di mana negara-negara itu ahli-ahli diplomatnya terlibat dalam perisik dan baharu-baharu ini berlaku kepada negara kita. Oleh yang demikian, saya harap negara kita tidak akan mudah menerima diplomat-diplomat negara asing ini sampai kita pastikan bahawa diplomat-diplomat ini tidak pernah melakukan apa-apa kesalahan di lain-lain negeri yang pernah beliau berkhidmat.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada diplomat negara kita, saya ada pengalaman berjumpa dengan diplomat kita di luar negeri. Saya dapati ada dua, tiga pegawai-pegawai diplomat kita ini yang sudah out-of-date tentang apa yang berlaku di dalam negara kita ini, mereka tidak tahu apa yang sedang berlaku dan mereka mengemukakan pertanyaan-pertanyaan seolah-olah mereka ini bukan rakyat Malaysia. Oleh yang demikian, saya sarankan kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat mengadakan kursus orientasi satu tahun atau dua tahun sekali kepada pegawai-pegawai diplomat kita ini supaya mereka ini kita bekalkan dengan maklumat-maklumat yang

kemaskini—yang up-to-date supaya tidaklah berlaku apa yang baharu-baharu ini berlaku dalam sebuah buku yang dikeluarkan oleh sebuah negeri menceritakan rakyat Malaysia ini masih duduk di atas pokok.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga berharap pihak Yang Berhormat Menteri dapat menimbangkan untuk menambah kakitangan diplomat kita di negeri-negeri di mana ramai sekali rakyat Malaysia kita ini berkunjung. Sebagai contoh di England, di Amerika, di Mesir dan di Australia di mana ramai selain daripada Menteri-menteri kita pergi berihat, pegawai-pegawai kedutaan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dan penuntut-penuntut kita yang sangat-sangat berkehendakkan kepada pertolongan pegawai-pegawai diplomat kita ini supaya memberi pertolongan semasa mereka baharu sampai ke negara tersebut, mereka tidak tahu di mana tempat yang hendak dituju.

Saya sebutkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana pernah berlaku—ada kes baharu-baharu ini di Amerika Syarikat bila 5 orang penuntut perempuan kita yang terlantar di sebuah negeri kerana tidak dapat mencari universiti yang mereka tuju dan tidak ada pegawai-pegawai diplomat kita yang bersedia untuk menolong mereka itu. Nasib baik di antara para penuntut itu ada seorang penuntut lelaki yang tahu bagaimana untuk mendapatkan pertolongan, maka akhirnya mereka selamat dengan usaha sendiri. Jadi, saya cadangkan sekali lagi patut pihak Yang Berhormat Menteri mengkaji mana-mana negeri yang sering menjadi tumpuan para rakyat negara kita ini patutlah ditambahkan kakitangannya untuk memberi pertolongan kepada rakyat kita. Dengan kata-kata itu, sekali lagi saya dengan kuatnya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong.

5.09 ptg.

**Dr Tan Tiong Hong (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomati (Konvensyen Vienna) 1966 yang baharu-baharu ini dikemukakan dalam Dewan ini

oleh Yang Berhormat Pemangku Menteri Luar Negeri.

Tadi kita telah mendengar Ahli Yang Berhormat dari Petaling telahpun mengucapkan tahniah kepada Kerajaan tetapi beliau berkata kita telah terkebelakang dari banyak negara dan beliau menyebut 'better late than never.' Saya tidak begitu bersetuju dengan pendapat itu oleh kerana saya ingat Kerajaan negeri kita telah mengkaji dengan teliti berkenaan hal PLO dan saya ingat masa ini adalah masa yang tepat atau timely di mana kita bawa Rang Undang-undang pindaan ke Parlimen ini untuk memberi pengiktirafan atau diplomatic status kepada PLO. Ini boleh jadi satu bukti Kerajaan kita bukanlah satu Kerajaan yang selalu ingat jump on the bandwagon sahaja tetapi ialah satu Kerajaan yang bertanggungjawab dan sebelum kita memberi Diplomatic Status kepada PLO rakyat Malaysia melalui beberapa pertubuhan dan juga dengan sokongan dari Kerajaan telah memberi sokongan moral dan juga bantuan kepada PLO.

Tadi rakan saya dari Balik Pulau pun ada berkata sokongan kita ini bukan sahaja oleh kerana ada pertalian ugama, tetapi oleh kerana pendirian kita ialah kita selalu menyokong apa-apa juga gerakan di mana hak manusia boleh dikekalkan dan kita juga selalu memberi sokongan kepada pertubuhan-pertubuhan yang ingin membebaskan negara-negara mereka melalui cara di mana kita di dalam 20th century ini boleh kata dengan cara yang acceptable bukan dengan cara di mana kita melanggar undang-undang sedunia. Oleh kerana itu, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah membuat satu keputusan yang sangat tepat.

Tuan Yang di-Pertua, rekod negara kita ini di kalangan (arena) foreign diplomacy boleh dikatakan satu rekod yang terbaik dan juga kita telah menunjukkan kepada negara-negara di Third World kita hormati national integrity negara-negara lain dan kita juga harap negara-negara lain menghormati national integrity kita. Oleh kerana itu Kerajaan kita tidak terkeluar daripada konsep ZOPFAN dan kita harap juga diplomat-diplomat yang ada di negara kita ini menghormati konsep dan pendirian kita. Ada juga pada ingatan saya tujuan di mana kita

menyokong struggle atau perjuangan PLO ialah oleh kerana sekarang negara-negara membangun, khasnya di Third World sedang menghadapi lagi satu cara imperialisma iaitu economic imperialism dan kita juga sendiri lihat sekarang kita ada menghadapi masalah primary commodities kita macam getah, timber, bijih timah dan lain-lain.

Selalu negara-negara yang telah membangun (developed countries) atau big powers sekarang menggunakan kuasa ekonomik mereka paksa negara-negara yang membangun dan dengan mulut sahaja berkata mereka menyokong sistem demokrasi dan menyokong negara-negara membangun untuk memberikan lagi faedah-faedah kepada rakyat menaikkan taraf hidup mereka. Tetapi apa yang dicakap oleh mulut tidak mengikut pada apa yang dibuat oleh pihak mereka. Oleh kerana itu selalu North/South dialogue dan lain-lain mesyuarat ekonomik apa yang telah dijanji tidak dipenuhi dan juga kita hari ini bolehlah mengambil PLO sebagai satu simbol di mana satu kumpulan manusia yang harus in time immemorial dan khasnya selepas World War II kalau mengikut janji-janji yang telah diberi kepada mereka hari ini harus ada satu negara mereka sendiri. Tetapi sampai hari ini tidak dapat janji-janji yang diberi oleh big powers kepada mereka. Kita boleh ambil ini sebagai contoh di mana jikalau kuasa-kuasa besar memberikan jaminan kepada kita, kita haruslah take it with a grain of salt oleh kerana kita sendiri pun ada experience berkenaan dengan primary commodities kita yang jikalau mereka ingin memberi pertolongan kepada negara-negara membangun mereka harus memberi kerjasama dengan kita oleh kerana mereka ialah negara yang menggunakan commodities ini.

PLO telah menunjukkan kepada kita dan semua Third World countries kalau kita ada semangat perpaduan kalau kita ada confident untuk kita sendiri, kita sebagai satu negara pun boleh berjaya satu hari di mana kita boleh membebaskan negara kita di bawah economic imperialism yang ada berlaku di zaman sekarang. Saya juga harap dengan memberi pengiktiraf atau Diplomatic Status kepada PLO kita juga dapat lagi memberi

pertolongan dan kerjasama kepada mereka, haraplah di dalam generasi ini mereka mencapai tujuan-tujuan atau objektif mereka.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Panti.

5.20 ptg.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk mengambil bahagian sedikit menyokong di atas Akta yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri, iaitu untuk membolehkan negara kita memberikan pengiktirafan kepada PLO sama tarafnya dengan mana-mana negeri atau lain-lain negara yang telah mendapat taraf diplomatik.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah ini juga saya sampaikan kepada Pembangkang yang hari ini kedua-dua pihak Pembangkang DAP dan PAS juga turut sama memberi tahniah kepada pihak Kerajaan kerana memang sesuatu yang baik itu tidak ada siapa boleh mengingkari, tidak ada siapa boleh menafikannya walaupun musuh sendiri. Jadi apa yang sedang dilakukan dan yang akan dilakukan oleh Kerajaan kita nampaknya mendapat sambutan daripada semua pihak khususnya dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara Islam, negara kita Malaysia memang sepatutnya awal-awal lagi kita memberikan seberapa daya sokongan moral dan material kepada pejuang-pejuang rakyat Palestine ini dan saya tidak menafikan memang ada pihak-pihak yang tertentu, terutama sekali Kerajaan dari semasa ke semasa saya difahamkan ada memberikan sokongan-sokongan ini tetapi pada hari ini memandangkan perjuangan rakyat Palestine yang telah memakan masa hampir-hampir 40 tahun, iaitu sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua di mana kuasa-kuasa besar pada masa itu telah berjanji kepada orang-orang Yahudi

di seluruh dunia, di Amerika Syarikat, di Eropah, di Jerman dan sebagainya, kuasa-kuasa besar telah berjanji kepada mereka akan mewujudkan sebuah negara Yahudi walaupun pada cadangan asalanya negara Yahudi ini akan ditubuhkan di tengah-tengah Benua Afrika, iaitu kalau tak silap saya di Kongo pada hari itu tetapi cadangan itu telah ditolak oleh masyarakat Yahudi pada masa itu kerana mereka mahu di tempat asalanya, iaitu di tanah Palestine. Maka kuasa-kuasa besar terutama sekali pada masa itu Kerajaan British yang begitu banyak empayar dan kuat pengaruhnya, Perdana Menteri yang bernama Lord Balfour kalau tak silap saya yang telah mencadangkan supaya orang-orang Yahudi ini ditempatkan semula di Palestine. Jadi dengan sokongan negara-negara besar pada masa itu, sama ada rakyat Arab mahu atau tidak mahu maka orang-orang Yahudi ini telah dibawa pindah daripada seluruh Benua Eropah mana yang mahu dan dipindahkan ke Palestine sama ada mereka membeli tanah orang-orang Arab ataupun mereka merampas hak-hak orang Arab dan daripada saat itu kalau tak silap saya pada tahun 1948 maka rakyat Palestine ini sehingga saat ini kebanyakan mereka duduk dalam khemah-khemah pelarian yang mana dibiayai oleh setengah negara-negara sahabat, iaitu negara-negara Arab dan ada juga di antara rakyat mereka yang berpeluang tinggal di negara-negara seperti yang berhampiran dengannya di Oddun, di Mesir, di Syria dan di lain-lain negeri, tetapi oleh kerana tiap-tiap negeri itu mempunyai masalah sendiri, mempunyai keadaan yang dihadapi oleh negara itu sendiri mereka dapat juga membantu tetapi tidaklah dapat mengangkut atau membawa semua orang-orang pelarian itu tinggal di negara mereka masing-masing masih lagi mereka hidup di dalam khemah-khemah pelarian sehingga saat ini, boleh dikatakan telah bercucu dan bercicit mereka tinggal di dalam khemah-khemah.

Berbagai-bagai usaha telah dijalankan, Tuan Yang di-Pertua, sama ada oleh negara-negara Arab atau oleh badan-badan dunia atau Bangsa-bangsa Bersatu tetapi oleh kerana kedegilan bangsa Yahudi ini, mereka tidak akan meninggalkan Palestine kecuali kalau terdesak sangat, kecuali kalau bapanya

di belakang yang menyokong itu, iaitu kuasa-kuasa besar seperti Amerika memberikan tekanan kepada Yahudi supaya membolehkan rakyat Palestine balik semula ke dalam Palestine bersama-sama memerintah antara orang Yahudi dan orang Palestine, tetapi apabila kita tinjau pendapat orang-orang Palestine, mereka tidak akan mahu, tidak akan rela berkongsi menjaga dan memerintah negeri mereka sendiri berkongsi dengan orang-orang Yahudi. Mereka seboleh-bolehnya berazam walaupun lebih 40 tahun mereka tinggal di khemah-khemah dan merantau sebagai orang buangan di negara-negara lain tetapi mereka tetap berazam satu hari mereka akan datang, satu hari mereka akan memerintah negerinya sendiri dan akan kembali ke pangkuan bumiputra ataupun ke pangkuan ibu pertiwinya sendiri, iaitu negara Palestine.

Tuan Yang di-Pertua, setiap orang Islam khususnya dan seluruh rakyat yang cintakan damai harus diberi ingatan bahawa cita-cita dan tujuan orang-orang Zionis atau orang-orang Yahudi ini bukanlah sekadar hanya untuk mendapatkan tanah Palestine tetapi azam dan cita-cita mereka ialah untuk mendapatkan dan mengembalikan empayar Nabi Allah Musa a.s. iaitu yang merangkumi hampir seluruh negeri-negeri Arab termasuk utara Afrika, termasuklah negara Saudi yang ada sekarang ini, kerana kalau mengikut sejarah sebelum Rasulullah bertapak di Madinah maka Kota Madinah ini adalah juga dipunyai oleh orang-orang Yahudi, maka itulah hasrat mereka yang sebenarnya dan akhir-akhir ini hasrat mereka tidak lagi disembunyikan, hasrat mereka ini tidak lagi menjadi rahsia kepada dunia, terang-terang mereka mengatakan mereka akan mengembalikan keagungan Nabi Allah Musa. Ini membawa erti mereka akan menakluki seluruh negara Arab termasuklah Baitullah yang tempat kita berkiblat bersembahyang. Kalau Baitul-Muqaddis yang satu masa dahulu pernah kita orang Islam berkiblat ke sana sehingga mendapat perintah daripada Allah supaya kita berpaling berkiblat ke Ka'abah, kalau Baitul-Muqaddis boleh mereka takluki dengan kekuatan yang ada sekarang, dengan sokongan yang mereka dapati sekarang, saya percaya kalau mereka mahu hari ini Ka'abah

juga boleh mereka takluki. Saya percaya kalau mereka mahu Kaherah juga dapat ditawan oleh orang-orang Yahudi ini.

Jadi dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, Allah ta'ala sendiri dalam Quran pernah mengingatkan kita, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya membacakan sepotong ayat. Bismillahirrahmanir rahim: Wa-lan tardha angkal Yahudu wan-Nasara hatta tatabi' millatahum. Maksudnya, sekali-kali mereka tidak akan senang, iaitu orang Yahudi dan Nasrani, sehinggalah kamu mengikut ugamanya. Maksudnya, orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasrani, mereka tak senang melihat kita orang Islam dan mereka tidak senang melihat perkembangan umat Islam, mereka dari semasa ke semasa akan mencari jalan bagaimana hendak meruntuhkan orang-orang Islam, bagaimana hendak memecah belahkan orang-orang Islam sehingga orang-orang Islam ini menjadi pengikut mereka. Kalau ingatan ini diberikan oleh ahli-ahli falsafah barangkali ada juga tak betulnya atau mungkin boleh difikir-fikirkan benar atau tidaknya, tetapi kerana ingatan ini diberi oleh Allah subhanahuwataala dalam Kitab sucinya Al-Quran yang tidak ada siapa manusia yang boleh mengingkarinya maka dengan sebab itu kedegilan bangsa Yahudi ini bukan sahaja kedegilan itu pada masa sekarang bahkan kedegilan bangsa Yahudi ini sudah beribu-ribu tahun lamanya, daripada zaman Nabi Allah Musa a.s. sampailah kepada dibangkitkan Rasul Nabi Isa a.s. sehingga mereka sanggup cuba hendak membunuh Nabi Isa dengan sebab mereka katakan tidak ada agama yang lebih mulia dalam dunia ini seperti agama Yahudi. Jadi apabila bangkit Nabi Isa alaihisalam membawa satu agama, maka orang-orang Yahudi . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa lebih kurang 12 minit untuk Yang Berhormat memberi hujah-hujah awalan sebelum pergi kepada matlamat, iaitu tajuk untuk meminda Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966. Jadi kalau boleh Yang Berhormat balik rujuk ke belakang pergi kepada asas perbincangan dalam kertas ini dan cerita Yahudi itu terlampau panjang sangat, tolong pendekkan.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Terima Kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya terpaksa tadi memberikan sedikit latar belakang oleh kerana tidak semua kita mengetahui kedudukan yang sebenar orang-orang Palestine ini. Bagi kita yang dewasa yang banyak membaca buku dan mengikuti perkembangan masa barangkali kita mengetahui tetapi tidak semuanya mereka mengikuti perkembangan ini, maka sebab itulah saya memberikan mukadimah yang agak panjang tadi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada cadangan-cadangan supaya Kerajaan Malaysia melebihi lagi bantuannya kepada rakyat Palestine ini bukan sahaja sekadar kita mengiktiraf mereka sebagai satu bangsa dan bukan sahaja sekadar kita memberikan taraf diplomatik kepada PLO tetapi saya sukalah mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini kalau boleh kita melipatgandakan lagi bantuan kita kepada rakyat Palestine dan yang kedua, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya memberi bantuan biasiswa kepada anak-anak pelarian orang-orang Palestine ini sama ada biasiswa itu diberikan kepada mereka untuk mereka belajar di mana-mana pengajian tinggi dalam negeri kita sendiri ataupun di mana-mana pengajian tinggi yang lain di luar negeri yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia.

Selain daripada itu, saya juga tertarik dengan salah satu cadangan tadi untuk menzahirkan lagi pengiktirafan dan pengakuan kita kepada PLO. Maka memang lojikhlah kalau Kerajaan kita bermurah hati mencari masa yang sesuai kita mempelawa supaya Ketua PLO, Encik Yasser Arafat datang menziarah ke negara kita ini. Kalau di zaman yang lampau iaitu di mana suatu negeri yang bernama Algeria atau Jazair dalam perjuangan mereka menentang penjajahan dan meminta pandangan dan sokongan dunia maka negeri itu telah menghantar seorang wakilnya ke negara kita-saya masih ingat lagi namanya Encik Farhad Abbas dan saya tidak tahu sekarang sama ada masih hidup ataupun telah meninggal dunia dan berkesan. Jadi, kalaulah Kerajaan mengundang Encik Yasser Arafat untuk datang ke mari dan melihat sendiri bagaimana sokongan yang kita berikan itu bukanlah sekadar sokongan mulut sahaja

tetapi sokongan yang berbagai-bagai terutama sekali di segi material.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mencadangkan supaya Pejabat PLO yang sudah bertaraf Kedutaan di Kuala Lumpur ini dari semasa ke semasa mengadakan Hari Palestine, dari semasa ke semasa membuka pintu dan memberi peluang kepada rakyat Malaysia terutama sekali saya menyeru kepada belia-belia dan beliawanis, di antara belia-belia dan beliawanis kita yang mereka menamakan diri mereka pendakwah, yang menamakan diri mereka itu membela Islam dan sebagainya supaya mereka ini datang ke Pejabat PLO ini dan mendaftarkan nama untuk berjihat bersama-sama dengan orang-orang Palestine ini. Saya tidak mencabar, tetapi saya menyeru dalam Dewan yang mulia ini. Saya menyeru terutama sekali kepada belia-belia kita yang menganggap dirinya merekalah orang yang menegakkan Islam dalam negara kita ini, merekalah orang yang menjadi pendakwah dan sebagainya supaya mereka ini apabila Pejabat PLO membuka pintu dan meminta bantuan tenaga maka saya harap mereka ini orang yang pertama yang akan mendaftarkan namanya ke Pejabat PLO untuk dihantar berjuang di sana melawan Yahudi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita juga haruslah menggunakan kebijaksanaan yang ada pada kita, menggunakan pengaruh dan nama baik kita terutama sekali kepada negara-negara sahabat, terutama sekali kepada negara-negara super power, kuasa-kuasa besar seperti Amerika dan sebagainya supaya dapat memujuk mereka itu dan supaya kuasa-kuasa besar yang saya maksudkan itu tadi janganlah terlalu sentimen, janganlah terlalu memberikan kemanjaannya kepada bangsa Yahudi dan memenakan bangsa Palestine dan saya harap melalui peruntukan yang kita luluskan pada hari ini dan saya harap kepada Kerajaan kita dengan sedaya upaya yang ada pada kita, dengan kebijaksanaan yang ada kepada kita kalau dapat mempengaruhi negara-negara sahabat ini untuk sama memikirkan, untuk sama-sama insaf, untuk sama-sama jujur, mereka juga manusia, mereka juga manusia yang inginkan kebebasan, mereka juga manusia seperti kita yang ingin mempunyai sebuah negara yang

mereka perintah sendiri. Saya harap dan saya berdoa kepada Allah s.w.t. semoga negara-negara super power tadi akan dilembutkan oleh Allah hatinya dan memberi peluang kepada rakyat Palestine untuk kembali ke negerinya seperti mana kuasa-kuasa lain, seperti mana negara-negara lain.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh di atas pindaan ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Matang.

5.35 *ptg.*

**Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali (Matang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan sahabat-sahabat saya yang lain untuk menyokong Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1966 bagi memudahkan PLO dapat bertempat di dalam negara kita.

Mengenai PLO ini, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ia sudah menjadi salah satu masalah antarabangsa. Apabila sahaja dari segi antarabangsa, dari segi kuasa-kuasa besar telah menyetujui supaya sebuah negara Israel wujud di suatu masa dahulu.

Pada masa itu barangkali kuasa-kuasa besar ini menyangka apabila sahaja wujud negara Israel maka mudah rakyat Palestine ini akan hilang begitu sahaja yang akan keluar daripada negaranya, akan pergi ke negara-negara lain, akan menjadi rakyat di negara-negara Arab lain akhirnya, tetapi sebenarnya sudah jadi berlainan, sekarang telah wujud PLO dengan begitu gagah dari segi antarabangsa.

Baru-baru ini saya merasa gembira, Tuan Yang di-Pertua, apabila sahaja ada pandangan daripada negara Amerika Syarikat telah memberi cadangan kepada pihak-pihak negaranya supaya mengadakan perundingan dengan PLO pada masa sekarang. Jadi, ertinya apabila kita berbincang dengan PLO di negara kita sendiri, sebenarnya PLO ini sudah mendapat perhatian daripada negara-negara besar itu sendiri. Jadi, saya mengambil peluang di sini mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah menjadikan negara Malaysia ini sebagai sebuah negara Islam yang

bukan sahaja mengambil perhatian berat kepada negaranya sendiri tetapi kepada negara-negara Islam yang lain termasuk PLO ini sendiri. Saya percaya keseluruhan rakyat di dalam negara ini akan menerima PLO ini dengan segala senang hati, kerana seluruh rakyat telah memahami apabila disebut sahaja Palestine ataupun disebut Israel . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

*(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).*

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Matang, sila teruskan.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, apabila PLO mendapat tempat di dalam negara kita, saya percaya lanjutannya ada lagi dari segi perhubungan di antara negaranya dengan PLO itu sendiri tetapi oleh kerana PLO ini bukan sebuah negara dari segi diplomatik maka tidaklah ada duta-duta kita akan berada di negara PLO itu sendiri ataupun oleh kerana PLO bukan sebuah negara tetapi dari segi kepentingan negara kita apabila PLO itu ada di dalam negara ini wakil-wakilnya telah ada maka lanjutan akan terjadi di dalam negara ini seperti mana pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh sahabat-sahabat saya yang lain maka saya juga ingin mengambil kesempatan memberikan pandangan saya, kemungkinan boleh dijalankan untuk pengambilan guru-guru ugama daripada rakyat Palestine itu sendiri melalui PLO supaya mereka dapat menjadi guru-guru ugama di dalam Sekolah-sekolah Ugama Rakyat di dalam negara ini. Dengan cara ini perhubungan di antara negara ini dengan PLO itu sendiri akan dapat kita memberi peluang kepada mereka untuk melegakan sebahagian daripada rakyat mereka untuk mendapat pekerjaan di dalam negara kita ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengambil kesempatan berkenaan dengan pegawai-pegawai diplomat kita yang berada di luar negeri. Di dalam gambaran sebahagian daripada ucapan-ucapan yang telah kita dengar tadi ada sebahagian kecil daripadanya yang tidak dapat memperkatakan hal mengenai Malaysia ini di luar negeri dengan

secukup-cukupnya sepertimana yang kita ketahui di dalam negara ini. Oleh itu saya suka mencadangkan ataupun mengesyorkan kepada Kerajaan supaya ahli-ahli diplomat yang kita hantar keluar negeri hendaklah diadakan tempoh jangka masa yang tertentu dan mereka ini apabila sampai satu tempoh jangka masa itu dibawa balik ke dalam negara ini diberi tugas dalam negeri dan selepas itu akan dihantar ke negara-negara lain. Jadi maksud saya di sini, ahli-ahli diplomat itu hendaklah diberi tugas di dalam negara ini dahulu sebelum ia diberi tugas di negara-negara lain yang mana ia diperlukan oleh pihak Kerajaan.

Selain daripada itu juga mereka yang akan menjalankan tugas di negara-negara Arab ataupun di negara-negara Islam hendaklah seboleh-bolehnya mereka itu sendiri daripada ahli diplomat Islam itu sendiri supaya apabila mereka berada di sana tidak menjadi satu masalah yang timbul, kerana negara ini terkenal dengan negara Islam, tiba-tiba kemungkinan oleh kerana ahli-ahli diplomat ini bukan daripada golongan Islam, mereka tidak akan membuat sesuatu dan dengan kerana tindakannya sesuatu yang tidak baik yang menyalahi peraturan Islam, misalnya minuman keras dan sebagainya, maka akan dianggap bahawa negara Islam yakni Malaysia ini tidak memegang kukuh kepada ajaran Islam.

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*

Di dalam hal-hal lain, dalam gambaran yang lain ada juga terdapat sebahagian daripada ahli-ahli diplomat ini tidak begitu mengindahkan kepada peraturan hidup sebagai seorang Islam di luar negeri. Jadi oleh sebab itu sepatutnya mereka yang akan dihantar untuk bertugas di luar negeri itu hendaklah dilatih terlebih dahulu supaya mereka dapat memahami bagaimanakah cara kehidupan Islam pada sepanjang hari dan supaya misalnya minuman keras tidak menjadi amalan mereka dan jika menjadi amalan kepada mereka, maka harapan kita menjadikan supaya negara Islam yang dihormati, akan dipandang pula oleh negara-negara lain khasnya oleh negara-negara Islam yang lain, maka ia akan dianggap kita ini tidak memegang kukuh kepada peraturan ataupun

ajaran Islam yang sepenuhnya. Maka dengan ini tidak berapa lama lagi PLO yang akan diwujudkan di dalam negara kita dan dengan gambaran sepertimana saya katakan tadi, mudah-mudahan Kerajaan kita dapat menganggap PLO ini sebagai wakil sepertimana juga wakil-wakil negara Islam dalam negara ini. Dan daripada kita pula akan dapat memberi peluang supaya dapat memberikan bantuan yang lebih banyak kepada kewujudan negara ini dan dengan usaha ini juga diharap pihak Kerajaan akan berjuang terus bersama-sama dengan negara-negara lain supaya rakyat Palestine akan dapat sebuah negaranya sendiri di tempat yang ada sekurang-kurangnya supaya wujud sebuah negara Palestine tidak berapa lama lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

5.48 ptg.

**Tuan P. Patto (Menglembu):** Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian atas Rang Undang-undang untuk meminda Akta Keistimewaan Diplomati (Konvensyen Vienna), 1966. Tuan Speaker, pindaan ini akan memberi kuasa kepada pihak Kerajaan ataupun Yang di-Pertuan Agong untuk negara kita mengiktiraf mana-mana badan atau entiti politik.

Tuan Speaker, pindaan kepada Akta ini memanglah kena pada tempatnya walaupun sepertimana dikatakan oleh Ketua Pembangkang dan lain-lain Ahli dalam Dewan ini terlambat sedikit, namun demikian harapan parti saya ialah pengiktirafan diplomatik akan diberi kepada PLO akan menjadi satu langkah ke arah pihak Kerajaan memberikan pengiktirafan diplomatik kepada pejuang-pejuang lain di dalam dunia khususnya nasionalis-nasionalis yang berjuang untuk membebaskan bangsa dan negara mereka sendiri daripada kongkongan, daripada penindasan, daripada kezaliman yang dilakukan oleh pihak-pihak yang menjajah negara mereka.

Tuan Speaker, dalam pada memberi pengiktirafan diplomatik kepada PLO, satu badan yang berpuluh-puluh tahun telah berjuang untuk kemerdekaan yang telah

mempertahankan kedaulatan dan maruah bangsa Palestine hendaklah dipuji oleh semua pihak dan Rang Undang-undang ini nampaknya sudah menjadi satu-satu yang telah membawa pihak Pembangkang dan parti pemerintah kepada satu pihak yang sama untuk mengambil pendirian yang sama. Jarang-jarang kita lihat dalam Dewan ataupun di luar Dewan, Tuan Speaker, satu pendirian seumpama ini. Namun demikian harapan pihak kami ialah kuasa yang diberi dalam pindaan ini akan digunakan untuk cuba menimbang dan memberi pengiktirafan kepada pejuang-pejuang nasionalis di Namibia, Afrika Selatan yang berjuang untuk membebaskan negaranya daripada kaum kulit putih yang menindas, yang melakukan kezaliman terhadap pejuang-pejuang dan bangsa mereka di Afrika Selatan.

Tuan Speaker, keadaan Namibia memanglah jarang-jarang diketahui oleh ramai rakyat Malaysia, tetapi hakikatnya ialah penindasan dan kezaliman kolonialis memang wujud di Afrika Selatan, memang dilakukan terhadap bangsa di Namibia.

Saya merayu supaya pihak Kerajaan dengan adanya pindaan ini boleh menimbang dan mengiktirafkan golongan yang memperjuangkan untuk satu negara Namibia di Afrika Selatan. Di samping itu ramai juga ahli-ahli telah menyentuh tentang keadaan golongan-golongan atau entiti-entiti politik yang memperjuangkan untuk kemerdekaan dan kedaulatan serta maruah bangsa mereka. Saya sentuh yang jelas ialah Afghanistan.

Tuan Speaker, pada masa sekarang dan dalam masa dua tahun yang lalu kita telah dengar dan baca bagaimana satu kuasa besar telah menceroahi pada awalnya secara langsung dan pada ketika ini melalui Kerajaan Boneka yang telah didirikan di situ.

Tuan Speaker, rakyat Afghanistan pada apa yang saya ketahui dan umum ketahui menentang dengan sekeras-kerasnya penaklukan tanahair mereka sendiri, menentang dengan sekeras-kerasnya Kerajaan Boneka yang telah didirikan oleh Russia yang mempunyai satu grand design. Nampaknya apa yang berlaku di Afghanistan tidaklah semestinya tidak akan berlaku di mana-mana termasuk juga negara kita.

Perjuangan yang dijalankan oleh rakyat Afghanistan sekarang sama ada menentang orang-orang yang zalim, penindas-penindas yang datang dari luar Afghanistan bukan sahaja berlaku dalam Afghanistan malah berlaku dari luar umpamanya dari Pakistan. Beratus-ratus ribu pelarian yang tidak tahan kezaliman dan penindasan itu yang dilakukan secara langsung dan tidak langsung oleh kuasa besar Russia terpaksa melarikan diri daripada negara mereka sendiri. Di samping itu orang-orang yang mahu flex muscles khususnya super power Russia sudah mula menggunakan Afghanistan sebagai 'a plaything'. Mereka menggunakan Afghanistan sebagai satu tempat untuk menguji senjata-senjata moden yang mereka telah melengkapkan dirinya sekarang. Satu contoh ialah satu 'chemical warfare' sedang berjalan. Apakah kita sebagai satu negara yang percaya kepada pejuang-pejuang, badan-badan dan entiti politik dan sudahpun mula untuk memberi pengiktirafan diplomatik masih lagi mahu berlengah-lengah untuk memberi sokongan kepada perjuangan rakyat Afghanistan terhadap Kerajaan Boneka yang ada sekarang dan juga orang-orang yang dari luar Afghanistan iaitu Russia yang menakluki dan menjalankan kezaliman dan penindasan.

Saya percaya dengan pindaan ini banyak kemungkinan pejuang-pejuang Afghanistan sama ada yang ada dalam Afghanistan atau di luar Afghanistan akan mendapat satu semangat baru bahawa mereka juga pada satu ketika nanti akan mendapat pengiktirafan diplomatik ini, kita tidak payahlah menunggu sehingga usaha-usaha diambil oleh pihak pejuang-pejuang Afghanistan, Kerajaan sendiri boleh memulakan usaha ini.

Kedua, isu Kampuchea, juga pihak Kerajaan dengan adanya pindaan ini menimbang untuk memberi pengiktirafan diplomatik pada kuasa-kuasa yang telah bersetuju untuk mengadakan penentangan sesama terhadap satu negara yang telah mencero bohi Kampuchea dari mendirikan satu Kerajaan Boneka yang pada keseluruhannya dapat sokongan yang hebat daripada Russia juga.

Tuan Speaker, sudahlah jelas betapa payahnya peranan yang dimainkan oleh Russia sama ada di sebelah Asia Barat

ataupun yang lebih dekat dengan Asia—di Vietnam dan Kampuchea. Di Afghanistan, Russia menggunakan Kerajaan Boneka dan Kampuchea mereka menggunakan Vietnam. Apa sahaja kezaliman dan penindasan yang dilakukan oleh apa sahaja kuasa pada akhirnya mereka tidak boleh menahan ombak yang akan dibawa oleh rakyatnya sendiri untuk mendapat kemerdekaan, kebebasan dan kedaulatan negara mereka sendiri. Sejarah jelas menunjukkan bahawa sebarang penindasan dan kezaliman itu tidak akan kekal selama-lamanya, tetapi sama ada ia akan berpanjangan atau tidak, terpulanglah kepada bukan sahaja pejuang-pejuang yang menentang kezaliman dan penindasan itu dalam negara itu, bahkan juga daripada rakyat negara-negara lain, manusia yang menghormati kemerdekaan satu-satu negara. Dan di sinilah peranan Malaysia boleh memainkan untuk memberi satu semangat tambahan kepada pejuang-pejuang ini.

Tuan Speaker, dalam keadaan yang sangat genting sekarang khususnya di wilayah ini, memanglah wajar tindakan untuk meminda Akta ini dilakukan. Di dalam rantau ini atau berhampiran dengan rantau ini sudah kita melihat bagaimana Laut China Selatan sedang dirangka untuk dijadikan tasik Russia (Russian lake). Langkah pertama mereka mengambil ialah untuk mewujudkan satu pengkalan Angkatan Tentera Laut di Cam Ranh Bay yang tidak jauh daripada ASEAN. Kedua untuk meletakkan satu pengkalan Angkatan Tentera Duc Doi di Danang. Kedua-dua tindakan ini yang sangat berhampiran dengan rantau ASEAN tentulah memberi satu ketakutan atau, instinct, a sense of fear di kalangan negara-negara ASEAN termasuk Malaysia dan apakah peranan dan tujuan pihak Russia. Mereka telah melakukan kezaliman dan penindasan mereka di Afghanistan, di Kampuchea; mereka telah mendirikan pengkalan Angkatan Tentera Laut dan Udara di Laut China Selatan; apakah yang mereka mahu lagi? Inilah tanda tanya hegemony Russia sudah mula lama. Soalnya sama ada tindakan perlu diambil atau kita biarkan sahaja mereka bermaharajalela di keliling rantau ASEAN.

Tuan Speaker, trap daripada Russia adalah sangat bahaya sepertimana Ahli dari Balik Pulau berkata tadi kita kita hendaklah

berjaga-jaga, kalau tidak akan keluar dari mulut harimau dan masuk terus ke dalam mulut buaya.

Tuan Speaker, di dalam usaha Kerajaan untuk memberi pengiktirafan diplomatik kepada PLO di mana saya berpendapat bahawa tidak ada perbezaan di antara penaklukan tanah Palestine oleh Israel dan penaklukan tanah Afghanistan dan Kampuchea oleh Russia dan Vietnam, tidak ada perbezaan. Kalaulah penaklukan oleh Israel atas tanah Palestine itu dikutuk, maka penaklukan oleh Russia atas tanah Afghanistan dan Vietnam di atas tanah Kampuchea hendaklah dikutuk.

Tuan Speaker, akhirnya dalam usaha kita mengiktiraf, memberi pengiktirafan diplomatik kepada badan-badan dan entiti politik eloklah Kerajaan juga menimbang satu lagi golongan pejuang di Sri Lanka. Mereka telahpun dapat bersyarah dan memberi pendirian dan pendapat mereka dalam Bangsa-bangsa Bersatu iaitu Tamil Liberation Front di Sri Lanka atau dengan ringkas they call themselves 'Liberation Tigers'. Patutlah dia pun ditimbang dan dalam pertimbangan ini dan pengiktirafan diplomatik kepada badan-badan dan entiti politik ini eloklah Kerajaan berwaspada, berjaga-jaga kalau adanya nanti di mana pendirian dan dasar yang dipegang oleh negara kita dapat dipergunakan oleh Russia untuk mencapai matlamatnya to encircle China sebab memanglah diketahui bahawa Russia mempunyai satu program dan dasar untuk encircle China. Jadi sebarang pengiktirafan dan tindakan yang diambil, pendirian yang diambil, dasar yang dirumuskan hendaklah dibuat supaya ia tidak dapat digunakan oleh Russia to further their campaign to encircle China.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru.

6.09 ptg.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966.

Sebenarnya pembentangan Rang Undang-undang ini memang kena pada tempat dan ketikanya oleh sebab perlunya kita meminda Konvensyen Vienna ini jelas membuktikan bahawa terdapat begitu banyak hypocrisy dalam hubungan antarabangsa paa masa ini. Hypocrisy yang saya nyatakan, Tuan Yang di-Pertua, adalah oleh sebab misalnya PLO itu sendiri kita ketahui ianya diakui oleh lebih 2/3 dari ahli-ahli anggota Bangsa-bangsa Bersatu tetapi masih lagi mereka belum menjadi sebuah negara yang merdeka. Mereka mempunyai sokongan yang begitu luas di seluruh dunia tetapi masih lagi mereka ini bukan sebuah negara dan ini jelas membuktikan bahawa sungguhpun terdapat hujah-hujah, ucapan-ucapan yang begitu penting, dasar-dasar yang begitu molek yang diperkatakan oleh dunia-dunia besar, kuasa-kuasa besar, selalu sentiasa, tetapi bila sampai waktu dan ketikanya, the moment of truth selalu kita terdapat hypocrisy dalam pelaksanaan apa yang mereka memperkatakan.

Soal PLO jelas terbukti kepada kita satu hipokrasi kuasa-kuasa barat. Sungguhpun saya rasa peluang untuk mereka menyelesaikan problem ini begitu mudah sekali kalau mereka benar-benar berniat untuk menyelesaikannya, tetapi mereka sengaja bermain-main supaya perkara ini berpanjangan.

Satu lagi contoh hipokrasi kuasa-kuasa besar ini adalah mengenai keadaan di Namibia sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu tadi. Dunia hampir capai suatu keputusan untuk menyelesaikan masalah Namibia dan juga supaya pihak SWOPO dapat memainkan peranan yang utama dalam penyelesaian ini tetapi ada sahaja helah pada saat-saat akhir sehingga perkara ini tergendala. Begitu juga dengan soal Republik Rakyat China. Kita telah bincangkan berhari-hari, berbulan-bulan, bertahun-tahun dan dasar Republik Rakyat China yang telahpun diperkenalkan kepada kita oleh Menteri Luar kita pada masa ini iaitu sebagai satu dasar "hidangan asam manis". Ini jelas menunjukkan sekali lagi sungguhpun Republik Rakyat China bunyinya begitu sedap apabila bercakap tidak mahu campur tangan dalam hal ehwal dalam negara-negara yang mereka merdeka tetapi ini membuktikan sekali lagi hipokrasi sebuah kuasa besar.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini keadaan memang tidak membenarkan Republik Rakyat China untuk mengadakan foreign adventure. Jadi sokongan mereka terhadap Parti Komunis Malaya adalah merupakan pasif sahaja tetapi mana tahu suatu hari nanti apabila keadaan berubah soal dalam negeri mereka telah selesai, keadaan dunia berlainan mungkin sokongan pasif terhadap Parti Komunis Malaya itu akan menjadi sokongan yang aktif, maka pada masa itu saya rasa pindaan Undang-undang yang dibincangkan sekarang ini kena pada tempatnya dan mungkin kita pula akan memberi tempat kepada siapa sahaja yang hendak menentang Republik Rakyat China dan memberi perlindungan dan keistimewaan di bawah Konvensyen Vienna 1966.

Begitu juga satu lagi menunjukkan hipokrasi negara-negara dalam dunia ini dalam hubungan di antara satu dengan lain iaitu rakan sahabat kita sendiri, Tuan Yang di-Pertua, iaitu negeri Filipina. Kita telah membaca dan dengar begitu gembiranya ikrar Presiden Marcos beberapa tahun dahulu di Kuala Lumpur bahawa Filipina akan menarik balik tuntutan terhadap negeri Sabah. Tetapi sehingga sekarang, Tuan Yang di-Pertua, Sabah masih merupakan sebahagian Filipina mengikut Perlembagaannya dan juga mengikut peta rasminya. Ini menunjukkan sekali lagi hipokrasi. Dan kalaulah permusuhan Filipina terhadap negeri kita secara pasif pada suatu masa akan menjadi aktif pula, maka apa salahnya kalau kita membenarkan Moro People's Liberation Front untuk mengadakan pejabatnya di Kuala Lumpur dan memberikan pula perlindungan dan segala keistimewaan di bawah Konvensyen Vienna di Kuala Lumpur ini.

Satu lagi hipokrasi antarabangsa adalah mengenai permusuhan Soviet Union. Ini kita telahpun mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Menglembu tadi iaitu bagaimana mereka sedang bekerja kuat untuk membawa fahaman komunis ke sempadan kita iaitu bekerja begitu kuat untuk mengokohkan kedudukan mereka di Kampuchea, tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mendengar ucapan-ucapan daripada pihak parti Pembangkang iaitu DAP selalu sahaja menyentuh tentang

permusuhan dari Soviet Union tetapi tidak langsung menyentuh mengenai permusuhan dari Republik Rakyat China. Ini kita rasa gajil, seakan-akan mereka ini telahpun mengambil ataupun kata orang memainkan politik partisan persaingan di antara Soviet Union dengan Republik Rakyat China. Saya rasa ini tidaklah adil. Saya rasa kedua-dua kuasa besar ini telahpun menunjukkan hipokrasi terhadap hubungan mereka dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya rasa berbagai-bagai lagi keadaan kita akan hadapi dalam tahun-tahun yang akan datang dan saya rasa pindaan Akta ini memanglah kena pada tempatnya untuk pada sesuatu masa yang sesuai kita memberi perlindungan dan keistimewaan diplomatik di bawah Konvensyen Vienna pada mana-mana juga puak ataupun pasukan ataupun kumpulan yang sedia memberi perlindungan dan untuk memperbetulkan keadaan dalam negara masing-masing ataupun memperjuangkan untuk menghapuskan segala pencerobohan terhadap Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita semua mengetahui rantau Tenggara Asia adalah merupakan satu rantau yang paling bergelora, paling turbulently-paling bergelora. Semua kuasa-kuasa besar sama ada timur ataupun barat nampaknya mempunyai kepentingan di sini. Oleh sebab itu saya rasa sudahlah sampai masanya bagi Kementerian Luar Negeri untuk bertindak tegas terhadap mana-mana juga kedutaan ataupun puak yang diberi perlindungan dan keistimewaan di bawah Konvensyen Vienna ini dalam negara kita supaya mereka jangan menyalahgunakan keistimewaan diplomatik ini. Kita terdapat dan terdengar di negara-negara lain bagaimana, misalnya, keistimewaan diplomatic bag dipersalahkan untuk membawa senjata-senjata masuk ke dalam sesebuah negeri untuk diedarkan kepada musuh negara-negara itu. Perkara ini pernah berlaku di Timur Tengah, pernah berlaku di Afghanistan, pernah berlaku di Pakistan dan sebagainya. Dan saya rasa kita haruslah berwaspada dan berhati-hati supaya perkara seperti ini tidak berlaku dalam negara kita ini.

Saya tidak tahu sama ada Kementerian Luar kita ataupun Kementerian Hal Ehwal

Dalam Negeri kita ada sesuatu mechanism, sesuatu cara untuk mengikuti segala perkembangan dalam hubungan ini. Kita tidak tahu sama ada pihak Kastam kita ataupun pihak Polis kita tahu apa yang selalu dibawa masuk menerusi diplomatic bag kepunyaan kedutaan-kedutaan asing. Kalau kita dapat pelajari dari pengalaman di negeri-negeri lain ini selalu disalahgunakan bukan sahaja oleh kuasa-kuasa besar tetapi kadang-kadang juga oleh kuasa-kuasa kecil. Kuasa-kuasa besarnya ialah untuk memasukkan senjata, material propaganda dan sebagainya. Tetapi kadangkalanya ini juga disalahgunakan untuk perkara-perkara yang lain. Misalnya, kita terdapat baru-baru ini satu cerita, satu laporan dari Kathmandu di Nepal bagaimana satu negara sama ada secara sedar atau tidak sedar, atau sengaja atau tidak sengaja telahpun membawa masuk berpuluh-puluh ribu jam tangan dari Hong Kong dengan menyalahgunakan keistimewaan diplomatic bag itu. Jadi inilah saya harap lebih-lebih lagi kita selalu atau sering membaca dalam suratkhbar kita si-itu kena tangkap jadi agen KGB, baru kelmarin seorang wartawan pula ditahan disyaki menjadi agen KGB dan sebagainya. Kalau ini semua dapat dibuat dengan begitu senang sekali, saya rasa kita harus benar-benar selidik dan benar-benar berwaspada tentang kegunaan diplomatic bag dan sebagainya.

Begitu juga kalau Republik Rakyat China yang jelas mengamalkan suatu dasar yang saya rasa satu permusuhan yang serious terhadap kita, saya tidak yakin bahawa Kedutaan Republik Rakyat China di Kuala Lumpur, iaitu di Jalan Ampang itu begitu innocent sekali, sudah tentu mereka mempunyai berbagai-bagai cara untuk mereka memberi sokongan yang lebih aktif terhadap perjuangan apa yang dikatakan Parti Komunis Malaya dalam negara kita ini. Jadi harus Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Kementerian Luar Negeri mulai benar-benar tegas dalam hubungan ini supaya segala apa juga keistimewaan diplomatik yang kita beri kepada kedutaan-kedutaan ini tidak dipersalahkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya juga ingin memberi sedikit pendapat mengenai pegawai-pegawai kita sendiri,

pegawai-pegawai diplomat kita sendiri. Kadang-kadang kita juga harus berwaspada dan pihak pegawai-pegawai tinggi di Kementerian Luar Negeri dan juga Menteri dan Timbalan Menteri harus berwaspada supaya pegawai-pegawai kita juga di luar negeri bersikap penuh bertanggungjawab dalam mempergunakan segala keistimewaan diplomatik yang diberikan kepada mereka di luar negeri—ini tersangat penting. Kalau terdapat penyelewengan harus kita bertindak tegas, jangan sahaja panggil pegawai itu balik, letakkan di Kementerian Luar Negeri, kononnya freeze jawatannya sekejap, duduk dua tiga tahun lepas itu hantar keluar balik, ini saya tahu selalu berlaku. Saya rasa kalau terdapat penyelewengan Kerajaan harus mengambil tindakan yang tegas dan keras supaya janganlah memberi peluang kepada mereka untuk mencemarkan nama baik kita di luar negeri.

Saya memang mempunyai pengalaman sedikit selepas berkhidmat selama lima tahun dalam Perkhidmatan Luar Negeri kita sendiri, kadang-kadang ada tanda-tanda—unsur-unsur ini iaitu unsur penyelewengan pegawai kita sendiri di luar negeri. Ini harus mungkin tidak sampai ketahap yang merbahaya tetapi kita haruslah awal-awal lagi membenters kegiatan ini. Begitu juga saya rasa kadang-kadang sikap ataupun kecenderungan untuk abuse keistimewaan ini oleh pegawai-pegawai kita timbul dari hasrat mereka untuk hidup dengan penuh mewah dan penuh kata orang conscious mengenai status tinggi mereka. Mungkin kita ini terima bulat-bulat sikap, semangat dan cara hidup dan style British Diplomatic Service. Pada tahun 1957 bila kita merdeka, kita bulat-bulat menerima segala style Diplomatic Service British yang telah dipupuk beratus-ratus tahun untuk menjaga satu empire yang begitu besar. Akhirnya kita terdapat pegawai-pegawai kita sendiri di luar negeri sering kali begitu snobbish sekali. Kalau Counsellor jawatannya tidak bergaul dengan Setiausaha Pertama; kalau jawatan Setiausaha Pertama maka beliau dan isterinya juga tidak boleh bergaul dengan Setiausaha Kedua; dan kalau jawatannya Setiausaha Kedua, Setiausaha Ketiga itu bukan tarafnya. Ini memang terdapat snobbishness di kalangan pegawai-pegawai kita sendiri dan selalu juga kita mendengar teguran dari

rakan-rakan Ahli-ahli Parlimen yang selalu keluar negeri. Saya rasa ini timbul dari style yang kita bawa dari British Diplomatic Service. Saya rasa sudah sampai masanya pihak Menteri dan juga pihak Timbalan Menteri atau pegawai-pegawai kanan Kementerian untuk menimbang semula tentang style pegawai-pegawai kita di luar negeri. Kadangkalanya saya pernah . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu saya rasa sudah jauh sedikit daripada Rang Undang-undang yang dibahaskan ini.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya berharaplah dengan ringkasnya pihak Kerajaan berwaspada supaya style mereka berkhidmat itu dapat diubah semula supaya benar-benar mereka dapat menjaga kepentingan kita kepada seluruh bukan sahaja mengenai tugas-tugas direct mereka, tugas-tugas secara langsung tetapi juga tugas-tugas secara tidak langsung misalnya untuk menjaga kepentingan pelajar-pelajar atau rakyat kita di luar negeri di mana tidak ada badan-badan penuntut dan sebagainya.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong pindaan kepada Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang terhormat dari Ulu Trengganu.

6.26 ptg.

**Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun juga untuk ikut bersama-sama dengan rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain menyokong Rang Undang-undang ini iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966.

Saya di sini ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah mengemukakan pindaan Akta ini untuk membolehkan Kerajaan Malaysia memberikan satu pengiktirafan diplomatik, memberi status diplomatik kepada PLO iaitu satu Pertubuhan Pejuang Kebebasan Palestine yang sebenarnya berada dekat

dengan hati rakyat Malaysia sejak zaman berzaman. Saya juga mengucapkan terima kasih sebagai seorang anggota daripada sebelah sini kepada pihak anggota daripada DAP daripada Menglembu yang turut menyokong Rang Undang-undang ini iaitu salah satu daripada perkara yang jarang berlaku bagi pihak DAP menyokong usul-usul yang dikemukakan oleh Kerajaan. Saya mengucapkan terima kasih kepada DAP dan kita berharap mereka akan mengamalkan dasar seperti ini di masa depan iaitu tidak datang ke mari sebagai pembangkang demi untuk membangkang tetapi apabila ada sesuatu yang baik dan sesuatu yang memberi faedah kepada umum pada seluruh masyarakat manusia di dunia, mereka janganlah membangkang juga semata-mata kerana bertujuan hendak menegakkan benang basah, hendak menunjukkan kepada rakyat Malaysia bahawa mereka sebagai Pembangkang mestilah bangkang walau baik, walau buruk sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, pengiktirafan diplomatik terhadap PLO ini hanyalah sebenarnya merupakan satu tindakan formality. Sebenarnya kita telahpun mengiktiraf PLO, cuma kita tidak memberi dia status diplomatik oleh kerana undang-undang yang ada tidak membolehkan kita berbuat demikian di masa yang lalu. Kita bukan sahaja mengiktiraf PLO sebagai wakil rakyat Palestine yang sah tetapi juga kita telah memberi sumbangan-sumbangan yang berupa wang ringgit dan juga sokongan-sokongan moral dalam forum-forum antarabangsa sejak beberapa lama yang lalu. Kita telah bertegas di dalam soal ini dan kita tidak pernah berganjak daripada dasar yang kita anuti daripada mula sehingga hari ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan kerana keberaniannya dan ketegasannya mengiktiraf PLO walaupun kita sedar ada risiko-risiko walaupun kita sedar bahawa perbuatan seperti itu boleh mendedahkan kita kepada beberapa keadaan yang menyulitkan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 ini adalah satu pengisytiharan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara adalah sentiasa berada di belakang kumpulan-kumpulan pejuang-pejuang nasionalis di

seluruh dunia. Pengiktirafan terhadap PLO saya harap merupakan suatu permulaan kepada beberapa pengiktirafan yang akan dibuat selanjutnya di masa hadapan kepada lain-lain entiti politik ataupun kumpulan-kumpulan politik yang memperjuangkan kemerdekaan dan kedaulatan negara mereka masing-masing.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh sambung esok.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Khamis, 15hb Oktober, 1981.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*